

Mhi
Sejak 1982

ملاک هاری این MELAKA HARIINI

Menyambut Ulang Tahun Ke-40



ملاک هاری این



Nasi campur 'kayangan'

Nasi separuh, ayam dan sayur ulam untuk makan tengah hari berharga RM15! Itu aduan diterima daripada orang ramai mengenai harga makanan yang kian melampau sejak akhir-akhir ini. **6**

Melaka Hari Ini cuba mengupas mengenai isu berkenaan dalam laporan yang disediakan wartawan Liana Sahabudin dan Siti Salehah

Foto Iqmal Haqim Rosman



Dapatkan e-paper
MHI di sini



Rindu di sebalik tirai besi

Angkara dosa silam, Puteri terpaksa berpisah dengan anak-anaknya selama 10 tahun. Aidilfitri kali ini bagai mengubat hatinya yang sedang menjalani hukuman di Penjara Sungai Udang apabila diberi peluang melepaskan rindu bersama anak-anak **23**



SILA IMBAS UNTUK
BORANG PERMOHONAN

**JOM MASUK
KAQSA**

KOLEJ AL-QURAN SAYYIDINA ALI (KAQSA)

PENGAMBILAN PELAJAR BAHRU
DIPLOMA TAHFIZ AL-QURAN DAN QIRAAAT

Satu Satunya
IPTA Tahfiz
Di Bawah Kerajaan
Negeri Melaka

Dermasiswa TAPEM
disediakan
(Bagi yang berkelayakan)

Hubungi kami : 013 202 8443 / 06-231 4240

Permohonan kemasukan akan dibuka pada 22 Mac - 23 Mei 2022

Saya masih Ketua Menteri Melaka - Sulaiman

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menafikan dakwaan bahawa beliau telah meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri sebaliknya ia hanya ura-ura yang ingin mengganggu gugat kestabilan kerajaan negeri.

Menurutnya, amanah diberikan untuk menerajui Melaka akan dilaksanakan sebaik mungkin dan terus berkhidmat sehabis baik untuk rakyat di negeri ini.

"Saya ingin menegaskan bahawa saya masih Ketua Menteri Melaka dan akan terus berkhidmat dengan sehabis baik dan sedaya upaya selagi mana dikehendaki oleh pucuk pimpinan."

"Saya menafikan dakwaan bahawa saya telah meletakkan jawatan sebagai Ketua Menteri Melaka. Ini adalah dakwaan yang berniat untuk mengganggu gugat kestabilan Kerajaan Negeri Melaka yang saya terajui selepas Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka ke-15," katanya, menerusi satu kenyataan media pada 12 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata desas-desus mengenai isu itu tidak sepatutnya timbul terutamanya ketika Barisan Nasional (BN) sedang fokus untuk memperkuatkannya usaha dan tenaga untuk merampas kembali kerusi

Parlimen yang telah hilang pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Katanya, beliau bersikap terbuka beliau mendengar pandangan ahli-ahli politik Melaka bukanlah suatu kelemahan, sebaliknya kekuatan bagi menghasilkan keputusan yang terbaik.

"Setelah memenangi PRN Melaka ke-15 yang lalu, saya bersama EXCO dan anggota pentadbiran kerajaan negeri berusaha gigih melaksanakan program-program pembangunan negeri Melaka dan memenuhi aku janji-aku janji yang telah dilafazkan."

"Segala usaha ini adalah untuk memastikan Negeri Melaka dan rakyatnya dapat menikmati limpahan kemajuan, pembangunan dan kemakmuran yang setanding dengan negeri-negeri dan negara-negara maju yang lain," katanya.

Sulaiman yang berada di Sarajevo, Bosnia & Herzegovina bagi mengetuai misi pelaburan negeri dan menghadiri Sarajevo Business Forum 2022.

"Turut bersama saya EXCO Kanan Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh Misi untuk melihat peluang-peluang pelaburan di sini serta untuk menarik pelaburan asing ke Negeri Melaka."



KETUA MENTERI DATUK SERI UTAMA SULAIMAN MD ALI, berikrar untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat negeri Melaka. Foto Mohd Azren Jamaludin

"Pada masa sama, saya terus memberikan perhatian dan mengikuti rapat perkembangan yang berlaku di Melaka, baik daripada segi pentadbiran kerajaan negeri maupun daripada segi perkembangan politik tanah air."

"Sempena bulan Syawal yang

mulia ini, saya menyeru agar kita semua bermuhasabah demi menguatkan parti dan memberikan tumpuan kepada usaha untuk memenangi PRU-15 akan datang," katanya.

Ujarnya lagi, beliau mempunyai agenda yang lebih besar dan

utamadari padabermain isu politik.

"Kita punya agenda yang lebih besar dan utama daripada bermain politik seperti ini. Saya orang parti, dan sebagai orang parti kita dituntut mematuhi keputusan yang telah dibuat oleh parti," katanya lagi.

KM tidak dipaksa tandatangani surat letak jawatan - Ab Rauf

Salman Hamat

AYER KEROH - Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, menafikan dakwaan

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali, dipaksa pihak tertentu untuk menandatangani surat perletakan jawatan. Ab Rauf berkata, sel-

epas memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) dengan majoriti tiga perempat bilangan kerusi, Melaka sepatutnya menjadi sebuah negeri contoh.



AB RAUF berbincang dalam perjumpaan bersama Sulaiman di Seri Bendahara, sebelum Ketua Menteri Melaka itu berangkat menuju ibadah Umrah di tanah suci, baru-baru ini. Foto Mohd Azren Jamaludin

Beliau berkata, tumpuan sekarang adalah untuk bergerak bersama-sama bagi memastikan UMNO Melaka menang di kerusi parlimen yang disasarkan dan bukannya mengeruhkan suasana.

"Selaku pengurus perhubungan tidak ada dalam pengetahuan saya, secara langsung atau tidak langsung, Ketua Menteri dipaksa menandatangani

mana-mana dokumen untuk meletakkan jawatan.

"Antara saya dan ketua menteri tidak ada masalah. Masalahnya tidak ada masalah. Jangan melibatkan saya sebahagian daripada untuk mengesahkan perkara yang tidak benar," katanya ketika ditemui, 9 Mei lalu.

Menurutnya, dakwaan berkenaan adalah tuduhan liar untuk memecah belahkan kekuatan UMNO

negeri Melaka yang sudah bersedia menghadapi Pilihan Raya Umum ke-15.

"Kepada semua pemimpin-pemimpin yang telah buat kenyataan tanpa menyiasat hujung pangkalnya, hentikanlah segala tohongan ini dan fokus kepada usaha membangunkan Melaka."

"Nasihat saya kalau badan tak gatal jangan di-guru," katanya.

WAKTU SOLAT

Daripada Abu Hurairah bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya, solat seseorang letaki secara berjemaah lebih utama daripada solatnya seorang diri dengan dua puluh lima bahagian.

19 Mei - 25 Mei 2022 (17 Syawal - 23 Syawal 1443H)

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19 Mei 2022	5.49am	7.01am	1.10pm	4.33pm	7.16pm	8.29pm
20 Mei 2022	5.49am	7.01am	1.10pm	4.33pm	7.16pm	8.30pm
21 Mei 2022	5.49am	7.01am	1.10pm	4.33pm	7.16pm	8.30pm
22 Mei 2022	5.48am	7.01am	1.10pm	4.34pm	7.16pm	8.30pm
23 Mei 2022	5.48am	7.01am	1.10pm	4.34pm	7.16pm	8.30pm
24 Mei 2022	5.48am	7.01am	1.10pm	4.34pm	7.17pm	8.31pm
25 Mei 2022	5.48am	7.01am	1.11pm	4.34pm	7.17pm	8.31pm

'Bukan keputusan mesyuarat' - Pemuda, Puteri Alor Gajah

**Farah Suhaidah Othman,
Fiqa Jamal**

BANDARAYA MELAKA

- Kenyataan dikeluarkan Pemangku Ketua UMNO Bahagian Alor Gajah, Datuk Rospandi Leman kononnya bahagian itu mencadangkan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali sebagai Pengerusi Badan Perhubungan UMNO negeri yang baharu disangkal Ketua Pemudanya Fairul Nizam Roslan.

Menjelaskan apa yang berlaku dalam mesyuarat pada malam 12 Mei lalu Fairul yang juga Ketua Pemuda UMNO negeri berkata, perbincangan sebenarnya lebih tertumpu kepada kepada program bahagian yang bakal dilaksanakan.

"Perkara itu (cadangan melantik Sulaiman) dalam mesyuarat tidak ditanya seorang demi seorang pendapat masing-masing, malah Naib Ketua Bahagian, Datuk Mustafa Musa tidak ditanya pendapatnya, begitu juga tidak ditanya kepada



FAIRUL NIZAM

saya.

"Kami tidak diberi ruang dan beliau (Datuk Rospandi) terus mengeluarkan kenyataan UMNO Alor Gajah minta Sulaiman ganti Ab Rauf (Datuk Seri Ab Rauf Yusoh)," katanya ketakidih bungti 14 Mei lalu.

Katanya, sekiranya ketubahan tidak berpuas hati lebih elok sekiranya berjumpa sendiri dengan Presiden, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi untuk berbincang.

Tegasnya sekiranya terdapat mana-mana pihak yang membuat tuduhan tanpa asas, pihaknya akan

memanjangkan perkara itu kepada Lembaga Disiplin parti untuk siasatan lanjut.

"Perkara itu lebih tertib dan beradab. Setakat ini hanya satu akuan bersumpah (SD) yang saya tanda tangani iaitu menyokong Datuk Seri Sulaiman sebagai Ketua Menteri, tidak ada SD lain yang saya tanda tangani," katanya.

Perkara sama turut diakui Ketua Puteri UMNO Bahagian Alor Gajah Nurashiqin Alias yang menyifatkan kenyataan dikeluarkan Rospandi bercanggah dengan keputusan mesyuarat.

Meskipun dia tidak hadir ke mesyuarat terbabit



NURASHIQIN

kerana menghantar kedua ibu bapanya menuaikan Umrah, namun percanggahan itu jelas tidak benar selepas beliau sendiri bertanya kepada ahli yang hadir.

"Keputusan yang mesyuarat ambil hanyalah menyokong kepimpinan Datuk Seri Sulaiman Md Ali, tidak pula membincangkan untuk menukar posisi dan jawatan Pengerusi Perhubungan (UMNO) Negeri.

"Pada saya kenyataan itu tidak mewakili parti lebih kepada 'personal' atau cadangan individu kerana dalam Perlembagaan UMNO, untuk menjadi Pengerusi Perhubungan UMNO negeri adalah dalam kalan- gan ketua bahagian dan Datuk Seri Utama Sulaiman bukan ketua bahagian," ujarnya.

Mengulas lanjut, Nurashiqin menyarankan untuk mana-mana individu dalam parti khususnya untuk tidak membuat kenyataan semberono kerana ia akan menggoyangkan keutuhan parti.

"Kalau tak ada semua itu dan hanya menekankan nafsu serta tamak haloba dia bukan orang UMNO," katanya kepada pemberita ketika Majlis Rumah Terbuka Dewan Undangan Ne-



**Datuk Abdul Razak Abdul Rahman
- Ketua Penerangan UMNO Melaka**

"Sebagai wadah politik yang berpengalaman di negara ini, setiap keputusan yang dibuat di mana-mana peringkat adalah selari dengan pucuk pimpinan parti. Selama puluhan tahun, UMNO telah dilanda dengan pelbagai isu namun parti keramat ini terus kuat kerana kita mempunyai cara tersendiri dalam menyelesaikan setiap permasalahan yang dihadapi."

**Dr Muhamad Akmal Saleh
- EXCO Kesihatan dan Antidadah**

"Tidak pernah sekelumit pun sepanjang saya menjadi EXCO kerajaan negeri ada usaha yang meminta kami untuk menukar kepimpinan kerajaan negeri daripada mana-mana pihak. Maka dakwaan meminta Ketua Menteri meletakkan jawatan adalah tidak bertanggungjawab dan tidak berasas kerana ia tidak pernah langsung berlaku dan dibincangkan bersama kami"



**Datuk Zaidi Attan, EXCO
Perumahan, Kerajaan Tempatan
dan Alam Sekitar**

"Pengalaman saya secara peribadi selama tiga penggal memang melihat terdapat usaha-usaha cuba untuk merosakkan hubungan baik dan cuba mewujudkan kesangsian kepada rakyat bahawa seolah-olah benar berlaku pergolakan. Tidak dinafikan terdapat puak dalam yang melihat peluang (golongan oportunitis dalam parti UMNO) untuk mencetus pergolakan dalam kepimpinan negeri"

**Datuk Rahmad Mariman -
EXCO Kerja Raya, Pengangkutan,
Infrastruktur dan Pengurusan Banjir**

"Sulaiman mempunyai karisma dan karakter yang memenuhi pakej pemimpin malah beliau tidak mempunyai sebarang isu yang boleh diketengahkan sama ada dalam parti mahupun pihak lawan. Melaka amat bertuah mempunyai pemimpin sepertinya dan saya akan terus menyokong kepimpinan Ketua Menteri!"



geri (DUN) Rembia di Kompleks JAPERUN Rembia di sini, 13 Mei lalu.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia bagaimanapun enggan memberi sebarang komen dan maklum balas berhubung dakwaan terdapat gerakan mahu menjatuhkan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali atau sebaliknya.

"Itu saya tak nak komen, cuma saya kasihan kepada Datuk Seri Sulaiman yang sentiasa mengutama-

kan dan mendahulukan kebaikan rakyat sepanjang beliau menjadi Ketua Menteri," ringkasnya.

Sebelum ini, Pemuda UMNO Melaka turut menyelar tindakan sesetengah pihak tidak bertanggungjawab termasuk ahli UMNO yang mahu merosakkan keharmonian parti.

Pemuda Melaka sepatut mengutuk sekeras-kerasnya cubaan berniat jahat dalam parti dan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan.

“ Itu saya tak nak komen, cuma saya kasihan kepada Datuk Seri Sulaiman yang sentiasa mengutama-kan dan mendahulukan kebaikan rakyat sepanjang beliau menjadi Ketua Menteri ”



MUHAMMAD Jailani berswafoto bersama pengunjung pada Majlis Rumah Terbuka DUN Rembia di Kompleks JAPERUN Rembia.

DELEGASI MELAKA KE BOSNIA & HEZERGOVINA



KEMESRAAN Tun Mohd Ali, Sulaiman dan Ab Rauf ketika berbincang pada Persidangan Perniagaan dan Pelaburan Antarabangsa Ke-11- Forum Perniagaan Sarajevo 2022. Foto Mohd Azren Jamaludin



YANG di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam diiringi Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan EXCO Kanan Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Usahawan negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan Duta Besar Malaysia di Bosnia & Herzegovina Raja Saifful Ridzuan Raja Kamaruddin bersama delegasi melawat Ottoman Oldtown, Sarajevo. Foto Facebook Ab Rauf Yusoh



EXCO Kanan Pelaburan, Perindustrian dan Pembangunan Usahawan Datuk Seri Ab Rauf Yusoh, menjadi perhatian pada sidang media sempena Persidangan Perniagaan dan Pelaburan Antarabangsa Ke-11- Forum Perniagaan Sarajevo 2022 'Nearshoring Perspectives For The Region' di Bangunan Parlimen Negara Sarajevo. Foto Mohd Azren Jamaludin



DELEGASI Melaka membabitkan Tun Mohd Ali, Sulaiman dan Ab Rauf selepas menikmati jamuan sarapan pagi di kediaman Duta Besar Malaysia di Bosnia & Herzegovina Raja Saifful Ridzuan, yang turut dihadiri isteri Yang di-Pertua Negeri Toh Puan Asmah Abd Rahman, Datin Seri Utama Munira M Yusop serta Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka Datuk Zaidi Johari. Foto Mohd Azren Jamaludin



TUN Mohd Ali pada Persidangan Perniagaan dan Pelaburan Antarabangsa Ke-11- Forum Perniagaan Sarajevo 2022 'Nearshoring Perspectives For The Region' di Bangunan Parlimen Negara Sarajevo. Foto Mohd Azren Jamaludin

Teroka peluang besar di Eropah Tenggara - Ab Rauf

Liana Sahabudin

SARAJEVO - Persidangan Perniagaan dan Pelaburan Antarabangsa Ke-11 - Forum Perniagaan Sarajevo 2022 'Nearshoring Perspectives For The Region' menjadi platform memperkasakan sektor pelaburan dan perniagaan Melaka di Eropah Tenggara.

EXCO Kanan Perindustrian dan Pelaburan Negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, persidangan itu sekali gus mewujudkan rangkaian peluang perniagaan dan pelaburan global baharu yang lebih berpotensi.

"Dengan fokus utama 'nearshoring', pelabur dan pemain perniagaan dijemput untuk memperkembang dan meneroka peluang di rantau ini yang menyediakan pasaran yang sangat berpotensi dan menarik."

"Persidangan ini menjadi salah satu acara penting untuk perniagaan dan pelaburan di Eropah Tenggara. Ia mampu memperkasakan hubungan sedia ada dan mewujudkan rangkaian peluang perniagaan serta pelaburan baharu," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Per-

sidangan Perniagaan dan Pelaburan Antarabangsa Ke-11 - Forum Perniagaan Sarajevo 2022 'Nearshoring Perspectives For The Region' di Bangunan Parlimen Negara Sarajevo, 11 Mei lalu.

Dalam ucapannya, Ab Rauf turut mempromosi Malaysia dan Melaka sebagai destinasi terbaik pilihan pelabur menerusi tawaran ekonomi meyakinkan, selain menyediakan kerja berpendidikan, mempunyai akses kewangan serta kedudukan geografi stabil.

"Malaysia terletak di lokasi yang strategik, mempunyai Selat Melaka sebagai laluan air tersibuk di dunia yang menghubungkan Lautan Pasifik dan Lautan Hindi."

"Hampir 80,000 kapal melalui laluan ini sepanjang tahun, Malaysia bersama negara jiran saling bertanggungjawab untuk meningkatkan dan mengukuhkan kemampuan Selat ini dan terus menjadi peneraju bagi laluan kapal perdagangan maritim," katanya.

Pada masa sama, Ab Rauf juga mengalum pelabur antarabangsa untuk terlibat sama dalam Projek Pembangunan Zon Ekonomi Pesisiran Pantai Melaka (M-WEZ) yang bakal direalisasikan di negeri ini.



AB Rauf ketika berucap pada Persidangan Perniagaan dan Pelaburan Antarabangsa Ke-11 - Forum Perniagaan Sarajevo 2022 'Nearshoring Perspectives For The Region' di Bangunan Parlimen Negara Sarajevo. Foto: Mohd Azren Jamaludin

Bincang buka semula laluan penerbangan Melaka-Pekanbaru



MUHAMMAD Jailani ketika ditemui bual wartawan Indonesia selepas mengadakan kunjung hormat ke atas Gabenor Riau di Pekanbaru.

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PEKANBARU - Melaka mengadakan perbincangan bersama Indonesia untuk membuka semula laluan penerbangan Melaka-Pekanbaru, Indonesia.

Perbincangan itu dilakukan EXCO Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan Negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis ketika mengadakan kunjung hormat ke atas Gubernur Riau Syamsuar yang diadakan di Kantor Gubernur di sini, 16 Mei lalu.

Menurut Muhammad Jailani, selain laluan udara, perbincangan itu turut menjurus kepada perancangan mengijatkan lagi pembukaan laluan air antara Melaka dengan Negara Republik itu.

"Perbincangan turut bersepakat mempergiatkan operasi feri di antara Melaka-Dumai dan Bengkalis termasuk perkhidmatan RORO

**“ Ma klumat pe nuh
me nge na i pe rbinc a ng a n
usa ha sa ma ini a ka n
di ma klum ka n d a la m
ma sa te rd e ka t se b a ik
de le g a si p u la ng
ke Me la ka na nt i ”**

di antara Dumai-Melaka.

"Alhamdulillah, Gubenur Riau mengalum usahasama intensif mempromosikan hubungan pelancongan di antara Riau dan Melaka.

"Maklumat penuh mengenai perbincangan usahasama ini akan dimaklumkan dalam masa terdekat sebaik delegasi pulang ke Melaka nanti," katanya dalam satu kenyataan.

Perumahan terbengkalai mesti disiapkan

Din Ahmad

AYER LIMAU - Sebanyak 54 unit kediaman Taman Seri Aman Lagenda, di sini yang terbengkalai sejak 2017 mesti disiapkan pemaju walaupun tarikh tinjauan EXCO Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Zaidi Attan ke tapak projek, ditangguhkan ke 26 Mei.

Zaidi berkata, ia kerana kerajaan negeri tidak akan melanjutkan lagi tempoh untuk pemaju menyiapkan projek berkenaan selepas diberikan kelonggaran sejak Jan lalu.

"Meskipun bersetuju untuk menunda tarikh lawatan, pemaju berpangkalan di Kuala Lumpur itu masih perlu mengotakjanji mereka," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini.

Sementara itu, Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Melaka (LPM) Mohd Salleh Hamidom berkata, pihaknya menetapkan tarikh baharu program berkenaan selepas mendapat permintaan daripada pihak pemaju.

Pada Jan lalu, Zaidi memaklumkan, kerajaan negeri memberi tempoh enam bulan kepada pemaju untuk menyiapkan keseluruhan 54 unit rumah yang terbengkalai sejak 2017.

Katanya, kerajaan negeri tidak akan melanjutkan lagi tempoh berkenaan dan perlu menyerahkannya kepada pembeli yang sudah menunggu lama untuk menghuni rumah masing-masing.

Beliau berkata, pemaju diwajibkan membina tangki air utama untuk kegunaan penghuni, selain membina semula tembok penahan tebing yang sudah runtuh kerana ia dikehutri membahayakan penghuni.



ZAIDI (dua dari kanan) ketika melawat tapak projek perumahan Taman Seri Aman Lagenda yang terbengkalai.

Nasi campur 'cekik darah'

Siti Salehah & Liana Sahabudin

AYER KEROH — Hanya men-

ambil nasi putih separuh, ayam dan sedikit sayur ulam-ulaman, seorang pekerja swasta terkejut

apabila dicaj RM15 di sebuah restoran nasi campur di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), di

sini.

Itu baru sahaja harga makan tengah hari untuk sehari. Bagaimana jika dikira sebulan? Tidak mustahil ia boleh mencapai sehingga RM300.

Malah, ramai lagi individu di luar sana mengakui turut 'terkena' dengan harga nasi campur yang semakin di luar kemampuan pada masa kini.

Sedang dalam fasa penjimatan selepas Aidilfitri, harga tidak masuk akal yang dikenakan segelintir pengusaha restoran dianggap cukup membebankan dan menerima kecaman orang ramai.

Jika kedai atau restoran berkenaan terletak di kawasan elit dan dipenuhi pelancong mungkin boleh diterima, tetapi untuk harga semacam di kawasan pusat pentadbiran kerajaan, ia dianggap melampau!

Melaka Hari Ini cuba mendapatkan reaksi daripada orang ramai berhubung isu kenaikan harga makanan yang berlaku sejak akhir-akhir ini.

Bagi Nurul Huda Hazirah Ahmad Fauzi, 24, harga makanan di

restoran memang mahal apabila dakwanya kos untuk dua pinggan nasi bersama lauk mencecah RM30.

"Berdasarkan pengalaman, kami pernah terkena, makanan disediakan kurang enak tapi hargapula mahal."

"Dalam suasana ekonomi semasa saya sebagai pengguna berharap peniaga dapat bertolak ansur, biarlah makanan itu berbaloi dengan harga dibayar. Lebih penting jaga kualiti biar pelanggan puas hati," katanya yang menetap di Durian Tunggal.

Sementara itu, seorang penuntut universiti Mohamad Izhar Sulaiman, 26, pula mengakui agak takut untuk membeli makanan di restoran berikutnya harganya yang semakin mahal sejak akhir-akhir ini.

Justeru, dia dan rakan-rakan lebih memilih untuk memasak sendiri demi berjimat.

"Jika beli di restoran memang lebih mahal. Bagi pelajar seperti saya membayar makanan berharga RM8 atau RM9 seorang itu sudah dianggap mahal. Kalau mahu lebih jimat saya akan masak sendiri," katanya.

Naikkan harga: Dua restoran terima notis KPDNHEP

AYER KEROH — Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka mengeluarkan dua notis dibawah Seksyen 21 Akta Kawalan Harga Anti Percututan 2011 terhadap pengusaha dua buah restoran susulan aduan mengenai caj harga makanan 'tidak masuk akal' yang dilaporkan Melaka Hari Ini.

Pengaruhnya Norena Jaafar berkata, notis bertulis itu perlu dijawab oleh peniaga atau pemilik dalam tempoh tujuh hari dan sekiranya gagal tindakan boleh dikekalkan.

"Pada 12 Mei, kita menerima aduan daripada pengguna mengenai dakwaan caj harga dikenakan agak tinggi untuk sarapan pagi dan makanan tengah hari. Susulan itu operasi mengejut dijalankan oleh sepasukan enam penguat kuasa.

"Beberapa restoran sekitar Ayer Keroh diperiksa dan hasilnya dua premis diberi notis selepas didapati ada berlakunya kenaikan harga."

Menurut Hee Sem, dalam menangani hal kenaikan harga barang dan makanan, KPDNHEP secara berterusan melakukan periksa dan pemantauan di lapangan.

"Penguatkuasa KPDNHEP setiap hari melakukan pemantauan harga dalam mengesahkan kenaikan harga yang sekaligus boleh membebankan pengguna," katanya.



NORENA

nan naik hingga RM2 hingga RM3.

"Kita kesan ada peniaga yang cuba nasib untuk menaikkan harga," katanya.

Menurut Norena, KPDNHEP memandang serius tindakan peniaga yang sengaja mengenakan harga makanan mahal di premis mereka.

"Kita tidak mahu perkara ini jadi isu kerana sektor pelancongan baru buka dan pelancong mula datang ke Melaka jangan disebabkan ini pelancong tidak mahu ke negeri ini."

"Malah kita juga tidak mahu ada yang cuba mengambil kesempatan sebalik kesusahan dan kepayahan pihak lain kerana sepanjang pandemik COVID-19 lalu banyak pihak yang terkesan," katanya.



HARGA makanan tengah hari di beberapa kawasan di negeri ini didakwa mula mengalami kenaikan selepas Aidilfitri (Gambar hiasan). Foto: Iqmal Haqim Rosman

Tiada alasan naikkan harga makanan

AYER KEROH — Kerajaan negeri tidak akan berkompromi dengan mana-mana peniaga atau pengusaha makanan yang cuba mengambil kesempatan dengan menaikkan harga jualan di kedai makan, premis maupun gerai tepi jalan.

Amaran itu diberikan susulan pendedahan Melaka Hari Ini mengenai caj melampau dikenakan

segelintir pengusaha restoran di sekitar Ayer Keroh.

EXCO Hal Ehwal Pengguna Negeri Ngwe Hee Sem berkata, tiada lagi alasan untuk peniaga menaikkan harga makanan memandangkan kebanyakan barang atas berada di bawah harga kawalan yang sudah ditetapkan kerajaan.

"Mereka tidak boleh menaik-

kan harga dengan alasan barang ini berlaku kekurangan bekalan kerana harga diperoleh mereka masih dibawah harga kawalan ditetapkan.

"Sekiranya kita kesan terdapat peniaga yang bertindak demikian, tindakan saman atau kompaun akan diambil kerana ianya sepertinya tidak berlaku kerana sebelum ini amaran sudah beberapa kali diberikan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurut beliau, pihaknya juga akan meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri melakukan siasatan sekiranya terdapat pemborong yang bertindak mengehadkan bekalan minyak peket bersubsidi dan tepung.

"Kita akan melakukan siasatan juga sekiranya ada pemborong yang cuba hadkan bekalan dengan harapan kerajaan akan menaikkan harga jualan.

"Itu hanya khabar angin sahaja yang diperkatakan tetapi sehingga kini belum ada lagi jadi tidak perlu untuk hadkan bekalan kepada peruncit," katanya.

Menurut Hee Sem, dalam menangani hal kenaikan harga barang dan makanan, KPDNHEP secara berterusan melakukan periksa dan pemantauan di lapangan.

"Penguatkuasa KPDNHEP setiap hari melakukan pemantauan harga dalam mengesahkan kenaikan harga yang sekaligus boleh membebankan pengguna," katanya.



HEE SEM meninjau jualan daging segar oleh peniaga, baru-baru ini. Foto: Iqmal Haqim Rosman

Harga durian pula dijangka naik

Fiqa Jamal

UMBIAI - Harga durian di seluruh negara pada tahun ini bakal melonjak antara 60 hingga 100 peratus.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) I, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata ia berikutan musim pengeluaran durian tahun ini lewat berbanding sebelum ini.

Katanya, hal itu berpunca daripada faktor cuaca termasuk keadaan hujan berterusan selain kos baja dan gaji pekerja yang meningkat.

"Dua negeri iaitu Pulau Pinang dan Perak sudah menyaksikan kekurangan pengeluaran durian sehingga 50 peratus.

"Persatuan Penanam Durian juga ada memaklumkan kepada kita mereka mungkin akan naikkan harga durian termasuk durian pilihan utama seperti black thorn (duri hitam), musang



PENIAGA juga terkesan akibat kenaikan harga durian.

king dan durian kampung.

"Saya ada laporan yang menjangkakan tahun ini durian duri hitam boleh mencecah harga RM100 se-kilogram, Musang King, RM60 hingga RM80 men-

gikut gred berbanding dulu RM30 ke RM40," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas majlis rumah terbuka Aidilfitri di kediamannya di Umbai, 14 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Ahmad Hamzah berkata, hujan berterusan bukan sahaja memberi kesan kepada proses pendebungaan, malah hujan lebat mengakibatkan putik durian gugur sehingga menjadikan penghasilan buah.

Tambahnya, beliau juga telah mendapatkan pandangan daripada Pengarah Lemba-ga Pemasaran Pertanian

Persekutuan (FAMA) negeri termasuk Perak dan Pulau Pinang yang mengenai jangkaan kenaikan itu yang sudah berlaku di negeri berkenaan.

Jelasnya, pihaknya juga tidak menetapkan had harga bagi buah-buahan kerana ia adalah diluar kawalan, sebaliknya ditentukan berdasarkan prinsip asas ekonomi bergantung kepada pengeluaran dan permintaan.

Sayur mahal, tapi tidak melampau

Siti Salehah

BACHANG - Meskipun mengeluh kerana untung menurun peniaga di Pasar Besar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) Bachang, di sini, masih bertolak ansur dan mengambil kira kepentingan pengguna berikutnya kenaikan harga sayur-sayuran bermula awal Ramadan lalu berlarutan hingga hari ini.

Peniaga sayur A Chandran, 46, ketika ditemui Melaka Hari Ini berkata, kenaikan hargai itu antara lain adalah disebabkan kekurangan bekalan khususnya membabitkan sayur hijau berdaun seperti bayam, sawi dan kangkung.

"Harga naik tapi sayur berkenaan masih ada permintaan daripada pengguna, mahu atau tidak kami tetap ambil daripada pembekal meskipun mahal.

"Tapi kenaikan tidaklah mendadak,

antara RM0.50 hingga RM2, contoh kangkung sebelum ini RM2.50 satu kilogram (kg) kini dijual antara RM4 hingga RM4.50 satu kg," katanya.

Sementara itu seorang lagi peniaga Roslan Hassan, 55, berpendapat meskipun berlaku kenaikan harga jualan tidak melampau dan terkawal.

"Macam biasa apabila bekalan kurang harga naik, tapi bagi saya semua ini akan kembali normal selepas pembekal mendapat stok dalam jumlah mencukupi.

"Kami perniaga tidak boleh naikkan sesuka hati perlu juga fikirkan pengguna dan tidak boleh bebankan mereka. Kalau harga melampau pembeli tiada peniaga juga rugi," katanya.

Menurutnya, bagi mengelakkan kerugian dan pengguna terbeban dia menghentikan sementara jualan sayur berkenaan yang ditawarkan pembekal pada harga tinggi.



HARGA sayur di Melaka masih terkawal dan tidak naik mendadak.

Sementara itu, peniaga durian yang ditemui mengakui keberhasilan durian berkurangan tahun ini atas faktor cuaca.

Izhar Ujang, 31, yang berniaga durian di sekitar Bukit Baru berkata, atas faktor tersebut dia terpaksa mengambil pendekatan menjual durian 'reject' bagi mengatasi masalah harga durian mahal pada tahun ini.

Ujarnya, durian 'reject' itu bukanlah durian busuk, sebaliknya ia hanyalah durian yang kulitnya sudah tidak cantik, ada yang terkopak dan isinya masih elok dan sesuai dijual.

"Pada saya, walau harga durian meningkat sekalipun pasti akan ada yang membeli, kerana durian yang sedap dan bermusim ini mempunyai peminat yang tersendiri.

"Cuma pada tahun ini, harga raja buah ini dijangka lebih mahal berbanding tahun sebelumnya, saya sebagai penjual pun terkesan namun bersedia untuk menerima pelbagai kritikan, dan sebagai penjual, kami mengikuti arus semasa," katanya.



PEJABAT TYT YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:

BIL	No. Rujukan	Tajuk Sebutharga	Kod Bidang	Tarikh & Masa Tutup Sebutharga
1.	PTYT(S) 400/I/6 (21)	Perkhidmatan Mencuci Dan Membersih Bangunan Istana Melaka.	221001 - Pembersihan Bangunan Dan Pejabat	20 Mei 2022 (Jumaat) Jam 12.00 tgħ.
2.	PTYT(S) 400/I/5 (15)	Perkhidmatan Penyeleggaraan Kebersihan Dan Lanskap Di Istana Melaka.	221002 - Membersih Kawasan	20 Mei 2022 (Jumaat) Jam 12.00 tgħiġi
3.	PTYT(S) 400/I/2 (42)	Perkhidmatan Penyeleggaraan Kebersihan Dan Lanskap Di Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka	221002 - Membersih Kawasan	20 Mei 2022 (Jumaat) Jam 12.00 tgħiġi

2. Dokumen sebut harga boleh didapat di Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka, Jalan Seri Negeri, Hang Tuah Jaya, 75450 Ayer Keroh, Melaka dengan percuma pada waktu pejabat seperti berikut:

Isnin hingga Khamis :	8.00 pagi	-	12.45 tengah hari dan
	2.00 petang	-	5.00 petang
Jumaat :	8.00 pagi	-	12.00 tengah hari dan
	2.45 petang	-	5.00 petang

3. Pemohon yang berkelayakan dan bermintat diwajibkan hadir untuk membuat lawatan tapak pada 18 Mei 2022 jam 10.00 pagi bertempat di Istana Melaka.

4. Dokumen yang telah sempurna dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeterai dan ditulis di penjuru kiri sampul berkenaan seperti berikut :-

- i "SEBUT HARGA PERKHIDMATAN MENCUCI DAN MEMBERSIH BANGUNAN ISTANA MELAKA" bagi tawaran 1.
- ii "SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KEBERSIHAN DAN LANSKAP DI ISTANA MELAKA" bagi tawaran 2
- iii "SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN KEBERSIHAN DAN LANSKAP DI PEJABAT TYT YANG DI-PERTUA NEGERI MELAKA" bagi tawaran 3

Dokumen hendaklah dilihat di alamat di bawah pada atau sebelum tarikh tutup 20 Mei 2022 jam 12.00 tengah hari. Permohonan yang lewat tidak akan dipertimbangkan.

Setiausaha Sulit kepada TYT
Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka,
Jalan Seri Negeri, Hang Tuah Jaya,
Ayer Keroh, 75450 Melaka

5. Pentadbiran ini hanya membenarkan seorang wakil sahaja daripada mana-mana syarikat bagi urusan mengambil borang sebut harga dan lawatan tapak.

6. Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka tidak terikat untuk menerima Sebutharga dengan harga terendah atau mana-mana Sebutharga atau memberi apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu Sebutharga. Keputusan Jawatankuasa Sebutharga Pejabat TYT Yang di-Pertua Negeri Melaka adalah mutlak.

Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui talian berikut:
06-2307218

UMNO lulus pindaan perlembagaan, adakan pemilihan selepas PRU

Mohamad Fazrul Abdul Majid

KUALA LUMPUR - Perhimpunan Agung Khas UMNO yang diadakan 15 Mei lalu sebutul suara meluluskan pindaan perlembagaan UMNO supaya pemilihan parti diadakan dalam tempoh enam bulan selepas Pilihan Raya Umum (PRU).

Usul itu dibentangkan Naib Presiden UMNO Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin dan disokong oleh Naib Presiden Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Ia diluluskan selepas 2,586 perwakilan bersetuju meluluskan usul berkenaan dalam persidangan yang diadakan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Kuala Lumpur (WTCKL) yang turut disusuli sambutan ualang tahun ke-76 UMNO dan jamuan Hari Raya Aidilfitri UMNO.

Terdahulu, Khaled dalam pembentangan usul yang dibacakan kepada perwakilan memaklumkan bahawa secara umumnya, pindaan melalui Perhimpunan Agung Khas UMNO kali ini melibatkan hanya tiga fasal iaitu Fasal 10.16, Fasal 15.3 dan Fasal 18.2.

"Dengan hanya melibatkan tiga fasal ini sahaja, ia bermakna pemilihan



KEPIMPINAN tertinggi UMNO ketika meraikan ulang tahun ke-76 parti itu di WTCKL. Foto: UMNO Online

parti tetap diadakan tiga tahun sekali seperti yang terkandung dalam Fasal 9.3 Perlembagaan UMNO. Sebaliknya peruntukan dan fasal baharu yang dipinda dan dimasukkan ini adalah fasal pengecualian kepada pemilihan tiga tahun sekali tersebut.

"Fasal pertama yang dipinda adalah Fasal 10.16 yang sekarang ini memperuntukkan bahawa: Majlis Kerja Tertinggi berhak menangguhan pemilihan

di peringkat Majlis Kerja Tertinggi, Bahagian dan Cawangan. Penangguhan ini tidak boleh lebih daripada lapan belas (18) bulan dari tarikh pemilihan yang sepatutnya ia diadakan.

"Fasal ini akan dipinda untuk memberi kuasa dan pilihan kepada MKT untuk membuat satu lagi bentuk penangguhan kepada pemilihan parti iaitu penangguhan selama 6 bulan selepas sesuatu PRU itu diadakan," katanya.

Beliau menjelaskan perubahan itu menyaksikan peruntukan Fasal 10.16 yang sedia ada akan dipinda menjadi Fasal 10.16.1 yang mana Majlis Kerja Tertinggi berhak menangguhan pemilihan di peringkat Majlis Kerja Tertinggi, Bahagian dan Cawangan.

Menurutnya, penangguhan itu tidak boleh lebih daripada 18 bulan dari tarikh pemilihan yang sepatutnya ia diadakan atau tidak lebih daripada enam

bulan selepas diadakan sesuatu Pilihan Raya Umum Parlimen (Dewan Rakyat), yang mana terkemudian.

"Maka, selain daripada tempoh penangguhan selama 18 bulan yang diberikan sebelum ini, MKT selepas ini turut berhak untuk menangguhan pemilihan parti kepada suatu tempoh tidak melebihi 6 bulan selepas sesuatu PRU itu diadakan, bergantung kepada yang mana satukah lebih terkemudian," kat-

anya lagi.

Justeru, secara tidak langsung, pindaan yang dibuat pada Fasal 10.16 itu bakal menyaksikan kedua-dua Fasal 15.3 dan Fasal 18.2 akan turut terpindah membabitkan pemilihan Ketua dan Naib Ketua Wanita, Pemuda dan Puteri UMNO bersama Ahli-ahli Jawatankuasa, selain turut melibatkan pemilihan Ketua, Timbalan Ketua, dan 15 Ahli-Ahli Jawatankuasa Cawangan.

Sistem atas talian lancarkan permohonan pasport

Faiz Hasan

AYER KEROH - Perkhidmatan di kaunter bagi permohonan dan pembaharuan pasport di Jabatan Imigresen Malaysia (JIM), Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN) Melaka berjalan lancar.

Tinjauan Melaka Hari Ini pada 17 Mei lalu mendapat tiada isu kesesakan atau menunggu lamadan pelanggan yang ditemui berpuas hati dengan perkhidmatan diberikan petugas JIM.

Anisyah Sazali, 25, bukan sajaberpuas hati malah menganggap layanan dan perkhidmatan yang ditawarkan JIM kini lebih efisien serta sistematis.

Jelasnya, kesesakan yang berlaku sebelum ini diatasi setelah jabatan itu memperkenalkan sistem

temuanji atas talian (STO) sekali gus memudahkan urusan orang ramai khusus mereka memohon untuk memperbaharui pasport.

"JIM sekarang telah menawarkan STO, jadi jika ada permohonan baharu kita perlu daftar dalam talian dan datang ke kaunter hanya untuk ambil gambar sahaja.

"Amat mudah dan pantas kerana saya yang telah membuat temujanji, saya tiba jam 10 dan tidak sampai 11 pagi semua urusan sudah selesai.

"Apabila sempadan antarabangsa sudah dibuka, saya buat persediaan awal dan memperbaharui pasport kerana memang ada perancangan untuk melancong ke Thailand," katanya.


Sementara itu, M Andikan, 60 berkata, yang merancang untuk ke

India Jun ini bagi menziarahi saudara-maranya di negara itu juga menyuarakan rasa puashati dengan perkhidmatan diberikan JIM.

"Semalam (16 Mei) saya buat temujanji menerusi STO dan hari ini (17 Mei) mereka panggil saya datang. Amat mudah, apabila sampai terus diberi nombor giliran dan tidak sampai 20 minit urusan saya mendapatkan pasport selesai," katanya.

Perkara sama turut diakui warga emas, Yong Siew Ju, 75, yang diberikan keutamaan untuk memperbaharui pasportnya yang tamat tempoh.

"Saya sampai lebih kurang 7.50 pagi tapi pejabat ini belum dibuka, tak mengapataungku sekejap kerana berpuashati dengan layanan diberikan kakitangan bertugas," katanya.



M. Andikan (tengah) bersama keluarga menunjukkan pasport yang diterimanya setelah menggunakan perkhidmatan STO ditawarkan JIM di Kompleks KDN Melaka.

MELAKA HARI INI
NO.TEL : 06 - 251 9314, 06 - 251 9315 FAX : 06 - 251 9316

KETUA KANDUNGAN
MOHD SALMAN HAMAT
Salmanhamat@melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
FARAH SUHAIDAH OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

PENGARANG
MOHD FAZRUL ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

JURUFOTO
IQMAL HAQIM ROSMAN
iqmalhaqimrosman@gmail.com

JURUFOTO
AZREN JAMILUDIN
m.azren86@gmail.com

WARTAWAN

MOHD FAIZ ABU HASAN
falzhasan@melakaharlini.my

LIANA SAHABUDIN
lilyann90@melakaharlini.my

FIQA JAMAL
norafiqahjamal93@gmail.com

SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakaharli

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
amran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR

mimieazura1981@melakaharlini.my

IT SUPPORT

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR

abduljaliljamar@gmail.com

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI

amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

MARKETING
& ADVERTISING EXECUTIVE
SARAH AIDA ABD HADI

sarahaida@melakaharlini.my

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAHANAH IDRIS

izraihanah363@gmail.com

SHARIFAH NORHALIDAH
SYED KHAIDZIR

khalidah@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA UNIT MELAKA TV
SONNY IKMAL AHMAD KAMIL

sonnyikmal@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal

farishalikhaizakaria@melakaharlini.my

JURUVIDEO & PENYUNTUNG VIDEO
AUFA IZZATI AHMAD ZAILANI

aufalizzat98@melakaharlini.my

JURUVIDEO

MOHD ZAIDI YAACOB
drzack35@gmail.com

PUTRA DANIAL RIZAIDI

putradanial182@gmail.com

PENYUNTUNG VIDEO

RABIAH OSMAN

osmanrabiah@melakaharlini.my

HASBULLAH BIN AZHAR

burneskobar@gmail.com

MHI, CMI dan UTeM jalin kerjasama strategik

Farah Suhaidah Othman

DURIAN TUNGGAL - Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) bakal memperkuuhkan jalinan kerjasama bersama Perbadanan Ketua Menteri (CMI) dan Melaka Hari Ini (MHI) dalam mempromosi pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) dalam kalangan anak tempatan.

Naib Canselor UTeM, Prof. Ts Dr Massila Kamalrudin berkata, antara kerjasama strategik universiti teknikal yang akan dilaksanakan termasuk memperkenalkan UTeM dalam kalangan anak Melaka untuk menjadikan universiti itu pilihan mereka dalam bidang teknikal.

Katanya, pihaknya juga merancang untuk menjalankan projek inovasi dan penyelidikan berteraskan teknikal yang mampu memberi sumbangan kepada kerajaan negeri Melaka.

"Pertama sekali kita akan melihat bagaimana kita hendak memperkembangkan ilmu dari segi STEM menerusi kerjasama

CMI dan MHI, juga untuk projek inovasi dan penyelidikan berte-raskan teknikal, yang dapat menyumbang kepada kerajaan negeri Melaka.

"Dalam erti katalain, kita saling memerlukan. Jika sebelum ini orang kata di mana atau siapa UTeM, jadi kita minta bantuan MHI untuk menguar-uarkan UTeM adalah universiti berteraskan TVET, malah sebenarnya universiti awam (UA) teknikal pertama di Malaysia.

Jadi saya selaku Naib Canselor UTeM mengalu-alukan pelajar-pe-lajar lepasan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), STPM (Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia), matrikulasi, terutamanya anak-anak Melaka untuk belajar di UTeM sendiri, yang mana kita hendak memper-kasakan pembelajaran STEM dan TVET," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menerima kunjungan hormat MHI dan CMI di pejabat canselor UTeM di sini, 12 Mei lalu yang turut dihadiri Pengarah UTeM, Datin Ts Nurazlina Md Sanusi.

Terdahulu, kunjungan hormat selamat lebih satu jam diketuai



ABDUL Jalil bersama Massila ketika kunjungan hormat ke pejabat Canselor Universiti Teknikal Malaysia (UTeM). Turut bersama Pengurus Besar Perbadanan Ketua Menteri (CMI) Masrul Faizal Mohamad dan Pengarah Pejabat Pengurusan dan Perhubungan Canselor UTeM, Datin Wira Ts. Nurazlina Md Sanusi. Foto Iqmal Haqim Rosman

Ketua Pegawai Eksekutif MHI, Datuk Seri Abdul Jalil Hamid manakala CMI dihadiri Pengurus Besarnya, Masrul Faizal Mohamad.

Hadir sama, Ketua Kandungan MHI, Mohd Salman Hamat dan Pengurus Pemasarannya, Muham-

mad Hamzi Rosmani.

Mengulas lanjut, Dr Massila berkata pihaknya turut membin-cangkan potensi yang boleh dilaksanakan bersama CMI untuk menjadikan UTeM sebagai pusat pendidikan kepada anak-anak

syarikat kerajaan negeri.

"Kita melihat limpahan ilmu pengetahuan di sini serta kepada-an dan kita akan gunakan kelebihan itu untuk menyumbang kepada pembangunan negeri Melaka," katanya.

www.mytnb.com.my

Tukar kepada Bil Digital melalui aplikasi myTNB.



Selamatkan Alam Sekitar dengan memilih Bil Digital.

Pemantauan penggunaan tenaga lebih mudah dengan aplikasi myTNB di hujung jari.

Muat turun aplikasi myTNB sekaran-g.

 Hidup Bijak. KUASA DI TANGAN ANDA.

TENAGA NASIONAL
Better. Brighter.

Melaka rekod 1,378 kes, 16 kluster HFMD



MUHAMAD Akmal. Foto Iqmal Haqim Rosman

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH - Penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) di Melaka menunjukkan peningkatan mendadak apabila sebanyak 1,378 kes telah direkodkan setakat 14 Mei.

EXCO Kesihatan Negeri Dr Muhammad Akmal Saleh berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan 24.6 kali ganda berbanding tempoh sama tahun lalu yang hanya merekodkan 56 kes.

Menurutnya, jangkitan tertinggi adalah membabitkan kanak-kanak berusia 0 hingga 6 tahun yang menyumbang 95.5 peratus daripada keseluruhan kes.

Katanya, setakat 14 Mei, 16 kluster atau wabak telah direkodkan dengan daerah Jasin merekodkan jumlah kluster tertinggi iaitu sebanyak 11 kluster.

"Ia diikuti daerah Melaka Tengah dengan empat kluster dan daerah Alor Gajah satu kluster.

"Secara keseluruhan, taman asuhan kanak-kanak (Taska), taman didikan

kanak-kanak (Tadika) dan pusat jagaan merupakan premis tertinggi berlaku wabak HFMD dengan merekodkan 12 kluster.

"Setakat 14 Mei, 12 premis berkenaan telah diarah tutup di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988," katanya dalam satu kejayaan pada 18 Mei.

Mengulas lanjut, Muhamad Akmal berkata, walaupun berlaku peningkatan mendadak kes jangkitan HFMD, namun ia masih terkawal dengan hanya 67 kes dimasukkan ke hospital setakat 12 Mei.

"Majoriti kes iaitu 91.4 peratus yang dimasukkan ke hospital juga dirawat sebagai pesakit luar dan tiada kematian dilaporkan setakat ini," ujarnya.

Bagi mengawal jangkitan daripada terus meningkat, ujarnya, Jabatan Kesihatan Negeri Melaka telah mengambil langkah proaktif untuk memeriksa persekitaran premis berisiko seperti Taska, Tadika dan pusat jagaan, selain memberi khidmat nasihat mengenai aspek keber-

sihan premis.

Selain itu, jelaskan beliau, sesi 'Townhall' bersama semua pengusaha dan guru Taska, Tadika, pusat jagaan swasta dan kerajaan juga telah diadakan sebanyak empat sesi.

"JKN Melaka juga akan mengemas kini maklumat berkaitan HFMD di media sosial dan jika berlakunya wabak, arahan penutupan premis akan dikeluarkan sekiranya berlaku wabak HFMD di premis tersebut," katanya.

Dalam pada itu, Muhamad Akmal turut menasihati ibu bapa agar tidak membawa anak-anak ke tempat awam dan sekolah sekiranya mempunyai tanda dan gejala penyakit HFMD.

Selain itu, katanya, pengusaha Taska, Tadika dan pusat jagaan di negeri ini juga diminta membuat saringan di pintu masuk bagi memastikan tiada anak-anak dijangkiti, selain menitikberatkan aspek kebersihan premis dengan melakukan proses nyahkuman sekurang-kurangnya dua kali sehari.

Tutup taska, tadika jika dapat arahan KKM

Faiz Hasan

AYER KEROH - Taman Didikan Kanak-kanak (Tadika) dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) boleh meneruskan operasi melainkan terdapat arahan penutupan operasi dikeluarkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berhubung kes penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD).

EXCO Hal Ehwal Wanita, Pembangunan Keluarga dan Kebajikan negeri Datuk Kalsom Nordin berkata, setakat ini 11 Taska di seluruh negeri diarahkan tutup susulan berlakunya jangkitan HFMD.

Beliau berkata, penutupan semua Taska dan Tadika hanya akan dilakukan selepas arahan dikeluarkan pihak KKM.

"Bermakna jika KKM memberi arahan barulah kita akan membuat penutupan semua Taska dan Tadika atau sebagainya," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas program Keselamatan dan Kesihatan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Dataran Majis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) di sini, 17 Mei lalu.

Terdahulu media melaporkan Melaka mencatatkan peningkatan mendadak jangkitan HFMD dengan merekodkan 977 kes berbanding cuma 95 bagi tempoh sama tahun lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri, Dr Rusdi Abd Rahman berkata, setakat ini 13 kluster dilaporkan termasuk lima Tadika, empat kes membabitkan Taska dan dua kes masing-masing di pusat jagaan serta rumah persendirian.

Katanya, arahan penutupan membabitkan 11 buah premis iaitu tujuh di daerah Jasin, tiga di Melaka Tengah dan sebuah premis di Daerah Alor Gajah yang dilakukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988.



KALSON menyampaikan replika cek kepada Persatuan Ibu Tunggal Tunas Kasih dalam program Keselamatan dan Kesihatan bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Dataran Majis Bandaraya Melaka Bersejarah

Pemahaman ibu bapa masih rendah

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Pemahaman ibu bapa tentang penyakit tangan, kaki dan mulut (HFMD) masih rendah sehingga ada yang tidak menyedari anak mereka sudah dijangkiti dan berada pada tahap bahaya.

Pengarah Akademik Mumtaz Generation International, Elina Jalil berkata pada kebiasaan ibu bapa hanya tahu anak mereka dijangkiti HFMD selepas mengalami demam panas.

"Kita di Mumtaz Generation memang sentiasa peka akan kesihatan anak-anak didik terutama yang berusia bawah tiga tahun sebab mereka ini masih kurang pandai bercakap.

"Biasanya anak-anak yang demam memang kita tidak terima jika ibu bapa hantar, kita risau berlaku jangkitan kepada murid lain. Kami amat beri perhatian berhubung jangkitan HFMD ini.

"Kalau murid ada tanda-tanda HFMD guru

pada kebiasaannya akan dapat kesan lebih awal. Kanak-kanak ini biasanya akan hilang selera makan dan mengadu sakit mulut," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Menurut Elina setakat ini Mumtaz Generation telah menghantar tiga orang guru mewakili setiap cawangan untuk menjalani latihan mengenai penyakit HFMD di sebuah pusat perubatan swasta di negeri ini sebelum Ramadan lalu.

"Wakil dihantar menjalani kursus untuk memahami dan mengenal pasti tanda awal HFMD. Alhamdulillah setakat ini di Mumtaz Generation belum ada kes murid kami yang dijangkiti HFMD, tetapi kami akan terus berjaga-jaga bagi mengelakkan penularan."

"Setiap hari Jumaat kita akan buat pembersihan termasuk sanitasi kelas, cuci peralatan makanan seperti gelas, sudu dan pinggan yang dibekalkan oleh ibu bapa murid itu sendiri," katanya.



PENGUNAAN cecair pembasmi kuman perlu diamalkan di semua pusat asuhan, taska dan tadika bagi membendung jangkitan HFMD.



MIMBAR MAIM

“Dan hendaklah kamu ber tolongan untuk membuat kebaikan dan bertakwa dan janganlah kamu ber tolongan pada melakukannya (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertakwa lah kepada Allah kerana sesungguhnya Allah maha berat azab seksa-Nya (bagi se siapa yang melanggar perintah-Nya).” (Surah al-Ma’idah, ayat 2).

Agih zakat pandukan Maqasid Syariah

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

ZAKAT merupakan rukun Islam ketiga yang wajib ditunaikan oleh setiap umat Islam.

Pensyiaran zakat berperanan sebagai medium penyucian harta serta perkongsian kekayaan bagi mengukuhkan ekonomi umat Islam.

Agihan zakat disalurkan kepada lapan golongan asnaf yang telah ditetapkan oleh Allah SWT iaitu asnaf fakir, miskin, amil, mualaf, al-riqab, al-gharimin, fisabilillah dan ibnu sabil sebagaimana yang termaktub dalam al-Quran di dalam surah al-Taubah ayat 60.

Setiap skim agihan yang dis-

ediakan kepada golongan asnaf zakat memainkan peranan penting dalam memastikan setiap keperluan asnaf dipenuhi dan bertepatan dengan syariat Islam.

Justeru, bagi memastikan setiap skim agihan zakat yang disediakan mencapai matlamat kewajipan dan hikmah berzakat, maka agihan zakat hendaklah dijalankan mengikut maqasid syariah berdasarkan keutamaan yang lima iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

Skim agihan zakat yang bertepatan dengan matlamat yang digariskan syaRAK bukan sahaja dapat menjamin maslahah dan kepentingan penerima zakat, malah dapat menjadikan institusi zakat di Ma-

laysia lebih unggul dan bertaraf dunia.

Oleh itu, pendekatan maqasid syariah dalam setiap skim dan bentuk agihan yang disediakan perlu diberi perhatian yang sewajarnya.

Perkara ini penting untuk memastikan setiap skim yang diperkenalkan selari dengan konsep maqasid syariah yang mengutamakan maslahah dan kepentingan bagi sesuatu perkara.

Pelbagai skim agihan zakat yang diperuntukkan oleh Majlis Agama Islam Negeri dan Pusat Zakat bagi membantu golongan asnaf.

Skim ini meliputi aspek kebaikan dan pembangunan asnaf se-

erti bantuan keperluan asasi, keperluan pendidikan, agama, perubatan, perumahan, modal perniagaan dan sebagainya.

Semua skim yang disediakan harus dinilai semula dalam memastikan iaanya bertepatan dengan maqasid Syariah dan menepati kaedah islamiah yang lebih telus dan penuh

intergriti.

Kesimpulannya, dapat dirumuskan bahawa kelima-lima prinsip dalam maqasid syariah memainkan peranan penting dalam mengukur keberkesanannya sesuai bantuan yang disalurkan dan meningkatkan kepercayaan dan pendirian asnaf terhadap agama Islam.



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

“Pengagihan zakat yang telus amanah kami”



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR MELAKA

4 KAEDAH BERWAKAF

MELALUI KAUNTER MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA

MELALUI POTONGAN GAJI;
MUAT TURUN BORANG POTONGAN GAJI DI PORTAL iWAKAF MAIM
(<https://iwakaf.maim.gov.my>)

MELALUI PERBANKAN INTERNET KE AKAUN "SAHAM WAKAF PEMBINAAN MASJID PULAU BESAR"
04015010078877
(BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD)

MELALUI DuitNOW QR

Jaminan infakkan harta ke jalan Allah

Datuk Haj. Ibrahim Bin Fadil

Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Melaka, Majlis Agama Islam Melaka.



SETIAP umat Islam sangat memerlukan kehidupan yang bahagia dan berkat serta di-redai oleh Allah SWT. Oleh itu, kita digalakkan untuk melakukan amal ibadah tidak kira hal ibadah itu wajib mahupun sunat. Jika kita memperbanyakkan amalan sunat maka pahala akan berganda ganjarannya. Manakala jika melakukan amalan wajib sesuatu ibadah itu, maka Allah SWT akan memberi keberkatan dan keredaan dalam hidupnya semata-mata demi mengharap kasih sayang dari-Nya.

Justeru itu, ibadah sunat yang sangat digalakkan oleh agama Islam adalah menghulurkan sedekah. Sedekah bukan sahaja merupakan amalan yang terpuji, malah sangat tinggi nilainya. Sedekah juga adalah amalan yang sangat dicintai oleh Allah SWT. Hal ini kerana, manfaat sedekah dalam Islam boleh memberikan impak yang besar, malahan Allah SWT turut memberi jaminan ganjaran yang besar bagi mereka yang rajin bersedekah.

Kebiasaannya sedekah jariah merupakan sedekah yang tidak akan putus pahalanya. Pahalanya akan tetap mengalir dan termasuk dalam amalan yang Allah SWT amat cintai. Apabila seseorang itu mampu melakukan sedekah tersebut, maka Allah SWT akan janjikan syurga untuknya. Daripada Abu Hurairah RA, bahawa Nabi SAW bersabda, yang bermaksud: "Apabila matinya seorang insan akan terputus amalannya melainkan tiga perkara: Sedekah jariah, ilmu yang bermafaat buat dirinya dan anak soleh yang sentiasa mendoakannya." (Riwayat Muslim)

Sebarang Pertanyaan Mengenai Zakat Sila Hubungi Di Talian :
Ibu Pejabat, Tel: 06-2812443 / 2441 / 2442 Faks : 06-2818154

- Cawangan Alor Gajah, Tel: 06-5562340
- Cawangan Masjid Tanah, Tel: 06-3845453
- Cawangan Jasin, Tel: 06-5294635
- Cawangan Merlimau, Tel: 06-2633148
- Cawangan Pulu Sebang, Tel: 06-4413358
- Cawangan Ulu Melaka, Tel: 06-2831440

Talian Zakat : 1-300-88-0233 WhatsApp
Info Pertanyaan Zakat - (011-58583885) Aduan Asnaf Zakat
- (011-58583900) Laman Web : www.izakat.com

"Allah SWT juga menjana njikan baha wa se se orang muslim itu tidak akan jatuh miskin se kira nya menginfakkan harta nya ke jalan Allah SWT ,"

Di samping itu, amalan bersedekah memberi banyak hikmah, antaranya menghapus dosa, menyucikan harta dan meningkatkan hubungan sosial bagi sesama manusia. Banyak diantara manusia yang takut miskin apabila gemar bersedekahan. Padahal dengan bersedekah, Allah SWT akan menjanjikan balasan yang baik dan dikurniakan ganjaran pahala yang berlipatganda.

Allah SWT juga menjanjikan bahawa seseorang muslim itu tidak akan jatuh miskin sekiranya menginfakkan hartanya ke jalan Allah SWT. Ini bertepatan dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud: "Sedekah itu tidak akan mengurangi harta. Tidak ada orang yang memberi maaf kepada orang lain melainkan Allah akan menambah kemuliaannya, dan tidak ada orang yang merendahkan diri kerana Allah melainkan Allah akan mengangkat darjatnya." (Riwayat Muslim)

Walau bagaimanapun, ibadah wajib jangan sekali-kali ditinggalkan seperti manapun pelaksanaan ibadah zakat yang amat dituntut dalam Islam iaitu merupakan Rukun Islam yang lima. Ibadah zakat ini dapat membersihkan harta dan menyucikan jiwa seseorang itu daripada sifat bakhil dan kedekut. Zakat yang dikeluarkan akan memberi banyak manfaat kepada 8 golongan asnaf yang memerlukan, lebih-lebih lagi mereka yang kehilangan punca pendapatan, kehilangan pekerjaan, perniagaan yang muflis disebabkan diuji dengan pandemik COVID-19 ini.

Selain itu, negara kita juga pernah dikejutkan dengan berita yang amat mendukacitakan dimana banyak tempat telah mengalami banjir besar sehingga harta benda rosak dibawa arus dan hilangnya orang yang tersayang. Dengan ibadah zakat yang dihulurkan oleh pembayar zakat sedikit

sebanyak dapat meringankan beban mangsa banjir yang dialami oleh mereka ini khususnya di negeri Melaka. Zakat yang dihulurkan dapat memberi senyuman dan nafas baru kepada mangsa banjir dengan membina kehidupan semula setelah musnahnya harta benda dan kerugian ribuan ringgit. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 195, yang bermaksud: "Dan infakkanlah (hartamu) di jalan Allah, dan janganlah kamu jatuhkan (diri sendiri) ke dalam kebinasaan dengan tangan sendiri, dan berbuat baiklah. Sesungguhnya, Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik."

Oleh yang demikian, masyarakat yang mampu menunaikan kewajipan yang dituntut oleh syariat Islam tanpa keraguan. Keadaan ini akan menggalakkan golongan asnaf yang dibantu dapat meningkatkan taraf hidup mereka dan secara tidak langsung ekonomi

umat Islam akan lebih bertambah mantap seterusnya memantapkan juga ekonomi negara Islam secara keseluruhannya.

Semoga perkara kebaikan yang dilakukan akan mencapai kesempurnaan dalam kehidupan seseorang itu, bukan sahaja pemberi zakat atau sedekah tetapi penerima turut mendoakan kesejahteraan kepada si pemberi. Selain itu, agama Islam mengajar kita untuk tidak terlalu cinta kepada harta dunia. Hal ini kerana, semua hanya pinjaman oleh Allah SWT. Berusahalah semampu mungkin untuk menjadi seorang pemberi supaya dapat mengikis diri kita daripada sifat tamak dan cintakan dunia semata-mata, seterusnya dapat mendidik hati agar terus sentiasa bersyukur di atas segala nikmat kurniaannya. Mudah-mudahan ianya dapat menjadi sebahagian amalan yang menjadi bekalan di saham akhirat nanti. In Sha Allah.

Sebarang pembayaran & pertanyaan tentang info zakat bolehlah layari www.izakat.com atau menghubungi di talian 1300-88-0233 di Zakat Melaka atau tinggalkan mesej di talian Whatsapp 011-58583885 untuk info lebih lanjut.

QADA Zakat fitrah

Layari www.izakat.com

Bermula 11 Mei 2022
Sehingga 10 Jun 2022

Imbas QR Code atau layari www.izakat.com

Talian Zakat: 1-300-88-0233 | [Zakat Melaka](#) | [zakat.melaka](#) | [www.izakat.com](#)



Hanya 2.5%


"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi!"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

1-300-88-0233 | [www.izakat.com](#) | [Zakat Melaka](#) | [zakat.melaka](#) | [Zakat Melaka](#) | [Zakat Melaka](#)



PERBELANJAAN WANG ZAKAT SEHINGGA DISEMBER 2021





WWW.KIBGIM.COM



SCAN HERE


SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: SAINS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: SAINS**BAHAGIAN A**


1. Apakah penerangan bagi istilah Pusat optik, O ?
 - A. Titik pada pusat kanta. Sinar cahaya yang melalui pusat optic tidak terbias.
 - B. Garis lurus yang melalui pusat optik sesuatu kanta dan titik fokus, F .
 - C. Garis lurus yang menerusi pusat optik dan berserenjang dengan paksi utama.
 - D. Jarak antara titik fokus, F dengan pusat optik.
2. Apakah penerangan bagi istilah Panjang fokus, f ?
 - A. Titik pada pusat kanta. Sinar cahaya yang melalui pusat optic tidak terbias.
 - B. Garis lurus yang melalui pusat optik sesuatu kanta dan titik fokus, F .
 - C. Garis lurus yang menerusi pusat optik dan berserenjang dengan paksi utama.
 - D. Jarak antara titik fokus, F dengan pusat optik.
3. Apakah jenis cermin yang digunakan di selekoh jalan raya?
 - A. Cermin cekung
 - B. Cermin cembung
 - C. Cermin muka
 - D. Cermin Ajab
4. Nyatakan ciri-ciri imej bagi kanta objek dalam Rajah 1.



Rajah 1

- A. Nyata, songsang dan dibesarkan
- B. Maya, songsang dan dibesarkan
- C. Maya, tegak dan dibesarkan
- D. Nyata, tegak dan dibesarkan

5. Berdasarkan pemahaman anda, gambar rajah sinar dalam Rajah 2 menunjukkan imej akhir dalam alat apa?




Rajah 2

- A. Mikroskop
- B. Teleskop
- C. Kanta pembesar
- D. Kamera litar tertutup (CCTV)

BAHAGIAN B

1. Rajah 3 menunjukkan dua jenis kanta.




Rajah 3

- a) Namakan jenis kanta yang berikut:
 - i) Kanta X
 - ii) Kanta Y
- b) i) Kanta yang manakah berfungsi sebagai kanta pencapah?
ii) Kanta yang manakah berfungsi sebagai kanta penumpu?
- c) Tandakan titik fokus bagi kanta X dan Y dengan huruf F.

2.

- a) Mengapa telefon pintar mempunyai beberapa kamera?
- b) Seorang murid menjalankan satu eksperimen untuk membentuk imej maya dengan menggunakan kanta cembung. Terangkan cara murid ini membentuk imej maya berdasarkan susunan radas seperti Rajah 4.



Rajah 4



- i) Tulis pernyataan masalah.
- ii) Nyatakan kedudukan objek (di P, Q atau R).
- iii) Dengan menggunakan anak panah (\uparrow) sebagai objek, Lukis gambar rajah sinar untuk menunjukkan pembentukan dan kedudukan imej. Lengkapkan Rajah 4 untuk mendapatkan jawapan anda.
- iv) Nyatakan dua ciri-ciri lain bagi imej yang terbentuk di 3 (b)(iii).

JAWAPAN:
Bahagian A

1. A
2. D
3. B
4. A
5. B

Bahagian B

1.
 - a) X: Kanta Cekung
Y: Kanta Cembung
 - b) Kanta X / Kanta Cekung
Kanta Y / Kanta Cembung
 - c) Tandakan titik fokus bagi kanta X dan Y dengan huruf F.



2.
 - a) Menghasilkan imej dengan saiz yang berlainan dengan menggunakan kanta kamera yang mempunyai Panjang fokus yang berlainan.



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

MANY moons (*purnama*) ago, I encountered Brazilian novelist and lyricist Paulo Coelho (b. 1947) in an in-flight magazine over the skies of eastern Europe. He was asked on the meaning of happiness. His answer: "Sitting by the window watching the stillness of a tropical midday afternoon." Coelho was inadvertently associating happiness to time – its measurement and duration. The term "midday afternoon" is *tengah hari* (midday) in Bahasa Melayu. This is when the sun sits right in the middle (*tengah*) of the sky.

Then there is also *hari*, *pagi rembang*, *tinggi hari*, *beralih hari* and *dinihari*, certainly evoking different states of being to different individuals. The Malays use nature as their timetelling tool, even after the introduction of the clock and the calendar. Nature is framed – we have day and night, month, the seasons and the year.

Asmah Omar in her *Malay Perception of Time* (2000/2013) explains the natural state of the timeframe, and what it represents in the various languages, mainly Austronesian, Sanskrit, Arabic and Portuguese. The words *petang* and *malam* refer to "darkness," whereas in many Austronesian languages, *petang* or its cognates refer to the darkness of the atmosphere. The root *pet* in Javanese mean "extinguished, of light." The darkness of the atmosphere has induced the Malays to coin *petang* and *malam* as time frames. *Malam* has the root *lam*, which reflects a common origin with *lam* in *kelam* (dark, of the atmosphere). From *malam*, comes *tengah malam* – the darkest time of the night.

Hari (day), *pagi* (morning) and *rembang* (mid-morning) are not transparent in their etymologies. I would often remember parents prohibiting their children to play outside the house in the *rembang*. And that is what I remember from my mother when I was old enough in my primary school years, not to play outside the house during that time. Earlier I got the impression that *rembang* was the hottest time of the day. But *Rembang*, according to Asmah, is a time frame between 10 to 11 am, Malaysia time. The description for this frame is *matahari sepenggalah*, literally the sun as long as the pole. *Tinggi hari* is after *rembang* – representing the observation of the Malays of the sun's at the time frame concerned (about 11 o'clock). This is when the sun is moving to a higher position (*tinggi*), though not as high as when it is *tengah hari* (midday). In the latter situation, the sun is right in the middle (*tengah*) of the sky.

The there is also the term *beralih hari* (approximately between 2.00 – 3.00 pm), which literally means "the changing of the day." This indicates the changing of the position of the sun as it starts to go down. Asmah, also a scholar of Ibanic languages, notes that the term has an equivalent in Iban in *ngalih hari* (*ngalih* = change; *hari* = day). *Beralih*

Hari Domingo, Rembang and Purnama



MELAKA is one of the most popular tourist destination especially during weekend and public holiday. Photo: MR Azli

“ Thus from *hari Dominggo*, it then was truncated to *hari Minggu*. Hence, *Hari Minggu* became another name for Sunday. ”

hari leads to *petang* which starts the new day. However, in modern Malay usage, 2.00 p.m. is considered *petang*.

Twilight, dusk is described as *senja* or *senjakala* – a loan from Sanskrit. A more graphic description is (*masa*) *matahari terbenam* (the time of sunset, literally (the time) the sun sinks into darkness). *Dinihari*, where the first element *dini*, from the root *dina*, means day. To the Malays, *dinihari* is heralded by the first crowing of the cock, anytime between 3.00 and 4.00 in the morning. Day-break, *subuh*, has its roots in *Sabah* (morning). According to Asmah, to the traditional Malays, *pagi* is a long span of time from *subuh* right to *tengah hari*. With the cultural environment from Islam, there is the necessity for the *subuh*-frame – beginning with *fajar menyingsing* and ending with the beginning of *tergelincir matahari*. *Fajar* is an Arabic loan meaning "dawn." So *fajar menyinsing* means "break of dawn."

The influence of Islam and the Arabs

have given the Malays the concept of the week, the seven-day frame. But bear in mind that the word *minggu* (week) is not a native Malay word. Asmah suggests that the probable origins of the word is from the name for *Sunday* in Portuguese, *Domingo*. Thus from *hari Dominggo*, it then was truncated to *hari Minggu*. Hence, *Hari Minggu* became another name for Sunday. It is used interchangeably with *Ahad*, which equals to Sunday. The Malay have used Arabic names for the days of the week before the encounter with the Portuguese.

Full moons are called *purnama* – hence *bulan purnama*. Classical Malay texts pay a great deal of attention to the duration of time, expressed in quite definite terms. Lovers talk about not seeing each other for a period which has seen three full moons pass by (*tiga purnama*). Notions of time are also found in Malay proverbs and *pantuns*. These are associated to memory, wisdom and resilience among others. Time as an element that

lingers on, if we remember James Joyce's "... long last lingering look." The following *pantun* attests to a good deed that forever lingers in one's memory for eternity:

Pulau Pandang jauh ke tengah,
Gunung Daik bercabang tiga;
Hancur badan di kandung tanah,
Budi yang baik dikenang juga
(Pandan island is far in the ocean,
Mount Daik has three peaks;
Even when my corpse has rotted,
Your good deed will be remembered
Trans. Asmah Omar)

Also remember, the Malay perspective of time is bounded by geography, configured by the rhythm of the equatorial tropical climate.

**NEXT WEEK:
Singapura 19th century
Malay Protest: The News
in the Syair Tantangan**

*Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.

KAQSA lahirkan kebolehpasaran graduan industri halal

Faiz Hasan

BUKIT KATIL - Kolej Al Quran Sayyidina Ali (KAQSA) komited menjadi sebuah gerbang ilmu yang mampu membuka peluang kebolehpasaran graduan-nya meneroka pengajian Islam ke peringkat yang lebih tinggi dan profesional.

Pengetua KAQSA, Abdullah Shahir Arifin Ahmad Fadzil berkata, kolej yang menawarkan dua program peringkat Diplomaitu bukan sahaja mampu menghasilkan huffaz yang berkualiti, bahkan pada masa sama, membantu keperluan pasaran dalam bidang pengurusan halal membabitkan pelbagai industri seluruh negara.

Menurutnya, misi kolej yang melahirkan cendekiawan Islam yang mahir dalam kajian al-Quran dan Qiraat itu juga mementingkan keperluan kebolehpasaran graduannya dalam membina kerjaya pada masa akan datang.

"Lebih menarik, di Malaysia, KAQSA hanya satu-



ABDULLAH Shahir Arifin

satunya kolej pengajian Islam di bawah Darul Quran menawarkan pengajian halal kepada pelajarnya.

"Kolej di bawah pentadbiran kerajaan negeri dikelolakan Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) diyakini mampu membawa pelajar ke peringkat yang lebih tinggi seperti melanjutkan pelajaran ke timur tengah dalam bidang Islam yang lebih tinggi," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Dalam pada itu, menurutnya dua kursus pengajian diploma di KAQSA menawarkan peluang terbaik buat anak jati negeri ini



ANTARA aktiviti dilakukan pelajar KAQSA bersama Zoo Melaka.

melanjutkan pengajian Al-Quran di peringkat lebih tinggi.

"Bagi anak Melaka mereka diberikan biasiswa menerusi permohonan dan pengajian akan ditanggung dengan biasiswa yang kita tawarkan kepada mereka.

"Ini merupakan peluang besar buat anak Melaka demi mendapatkan pendidikan Islam yang lebih mendalam terutama dalam penghayatan kajian Al-Quran.

"Mana-mana pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran di sini memerlukan

syarat lulus dua subjek dalam Sijil Pelajaran Malaysia iaitu Bahasa Arab dan mana-mana subjek berkaitan Agama Islam.

"Setiap kemasukan akan melalui proses temuduga untuk kita tawarkan dua pengajian iaitu Diploma Tahfiz Al-Quran dan Qiraat

dan Diploma Tahfiz Al-Quran dan Pengurusan Halal," katanya.

Bagi mana-mana individu yang ingin melanjutkan pengajian di KAQSA mereka boleh menghubungi di talian 06-2314240 atau emel di kaqsa.melaka@gmail.com.

IKLANEKA
MELAKA HARIINI
Mhi

PILIHAN RUANG IKLAN TERBAIK 2022

TEMPAHAN IKLAN
018 329 9936

AUTOMOTIF
HARTANAH
KERJAYA
KLASIFIKASI
NOTIS

Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori
Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah
Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan
AM
Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot
Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am

www.melakahariini.my

Melaka Hari Ini

Melaka TV

AUTOMOTIF

Kereta
Motosikal
Trak
Bas
Lori

HARTANAH

Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah

KERJAYA

Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan

KLASIFIKASI

AM
Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot

NOTIS

Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am

NO7 - GADEK

Kek untuk cikgu!

Faiz Hasan

GADEK - "Seorang guru mampu melahirkan 100 orang profesional tapi 100 orang profesional belum tentu menjadi seorang guru yang bagus," itu kata Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gadek, VP Shanmugam yang menghargai peranan guru dalam melahirkan cendekiawan bermutu di negara ini.

Beliau berterima kasih di atas jasa yang dicurahkan guru kepada generasi di negara ini setelah berhempsah pulas bagi memastikan pendidikan anak muda terus terjamin demi melakar masa depan yang gemilang.

"Saya dengan sepenuh hati mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua guru-guru yang

mengajar di negara ini terutama kepada guru yang mendidik saya berjaya membentuk saya sehingga bergelar sebagai seorang wakil rakyat sekarang.

"Terimakasih diucapkan terutama guru yang mendidik saya selama lapan tahun sepanjang bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Methodist ACS dan Sekolah Menengah (SMK) Methodist ACS Melaka sehingga saya berjaya memperoleh sarjana muda dan kembali memimpin rakyat hari ini.

"Jasa guru cukup tidak ternilai semua masyarakat perlu menghargai peranan guru kerana guru adalah insan yang selama-lamanya seorang guru untuk anak murid. Terimakasih cikgu! Guru Tunjang, Sekolah Sejahtera," katanya ketika



SHANMUGAM menyumbangkan kek kepada salah sebuah sekolah di DUN Gadek sempena Hari Guru.

dihubungi Melaka Hari Ini.

Terdahulu dalam sebuah program diadakan pada 17 Mei, pihaknya telah menghadiahkan sebiji

kek kepada guru-guru membabitkan 11 buah sekolah dalam kawasan DUN Gadek.

Antaranya, Sekolah Jenis Ke-

bangsaan Tamil (SJKT) Pulau Sebang, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Pay Chee, SMK Sultan Mansor Shah serta pelbagai lagi.

NO2 - AYER LIMAU

Tiada lagi rekahan jalan

Faiz Hasan

AYER LIMAU - Rekahan permukaan jalan yang berpunca daripada hakisan pada pembetungan rosak di Jalan Ramuan China Kechil, Lubuk China telah selesai dibaiki.

Ia selepas masalah itu mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Limau Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer.

Hameed berkata, pihaknya sebelum ini telah menerima satu laporan berhubung permasalahan terbabit, lalu mengambil tindakan segera dan berjaya diselesaikan menjelang Aidilfitri lalu.

Jelasnya, bila pun ada aduan diterima, tiga lokasi di kawasan berhampiran yang mengalami permasalahan sama telah diselesaikan.

"Tindakan ini telah diambil Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri bagi menyelesaikannya malah mendapat terdapat tambahan projek telah dijalankan bagi membaiki kerosakan yang sama.

"Kerja kerja kecemasan pemberian pembetungan dan lain-lain pemberian berkaitan telah berjaya disiapkan dengan menelan kos sebanyak RM20,000," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Terdahulu Melaka Hari Ini melaporkan mengenai masalah rekahan jalan yang berlaku di kawasan berkenaan.

Masalah itu disedari ketika Hameed bersama rombongan ketika melalui jalan berkenaan selepas selesai program ziarah kasih di Taman Datuk Setia dan Kampung Ramuan China Kechil, Februari lalu.



KERJA-KERJA baik pulih kerosakan jalan di Ramuan China Kechil oleh JKR.

NO6 - REMBIA

Kebajikan anak yatim Rembia dibela

FOKUS DUN



MUHAMMAD Jailani beramah mesra bersama bapa saudara kepada salah seorang anak yatim yang menerima sumbangan dalam sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Rembia, baru-baru ini.

REMBIA - Kebajikan dan pendidikan anak yatim akan diberi keutamaan di Dewan Undangan Negeri (DUN) Rembia.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rembia, Datuk Muhammad Jailani Khamis berkata, fokus utamanya terarah kepada anak-anak yatim yang tidak ditempatkan di Rumah Anak Yatim dan dijaga oleh keluarga atau saudara-mara.

Katanya, perkara itu diberi perhatian serius bagi memberi kehidupan lebih baik kepada anak-anak tidak bernasib baik itu.

"Matlamat kita nak pastikan mana-mana anak yatim yang tidak dijaga di sekolah anak yatim tetapi dijaga saudara mara akan diberi penjagaan sepenuhnya termasuk yuran persekolahan, pakaian sekolah dan perbelanjaan hariannya.

"Kita akan pastikan kehidupan mereka lebih baik dari sebelum ini ia sehingga kos makan mereka di sekolah akan diberikan sekurangnya RM1 sehari dan dijaga sepanjang hari.

"Setakat ini kita sedang mengumpulkan maklumat dan data mereka jadi jika kita dapat kumpul

jumlah yang tepat kita akan juga merekademi menjalankan kehidupan yang lebih baik," katanya kepada Melaka Hari Ini selepas program Rumah Terbuka Aidilfitri DUN Rembia, baru-baru ini.

Rumah Terbuka Aidilfitri itu menerima sambutan cukup menggalakkan daripada masyarakat pelbagai kaum di kawasan berkenaan bagi meraikan perayaan Aidilfitri tahun ini.

Dalam majlis sama, Muhammad Jailani turut memberi sumbangan kepada 160 anak yatim sempena Aidilfitri tahun ini.

N10 - ASAHLAN

Kepala air:

88 pengunjung terperangkap di air terjun

Siti Salehah

ASAHLAN - Seramai 88 pengunjung kawasan rekreasi air terjun Laman 3 Budaya, di sini, berdepan detik cemas apabila terperangkap dalam kejadian kepala air, 16 Mei lalu.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka Abu Bakar Katain bagaimanapun berkata, kesemua mereka berjaya diselamatkan dan tiada kemalangan jiwa dilaporan.

Menurutnya, operasi menyelamat itu dilakukan oleh sepasukan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jasin bermula

kira-kira jam 1 tengah hari sebelum kesemua mangsa daripada empat kumpulan berjaya diselamatkan secara berperingkat pada jam 4.42 petang.

"Kumpulan pertama terdiri daripada 40 orang didapati telah selamat dan berjaya melintasi sungai berkenaan serta telah berada di Laman 3 Budaya.

"Anggota kemudiannya meruskan pencarian lebih meluas sehingga ke 600 meter arah pergunungan mendapat tiga kumpulan seramai 48 orang berada lokasi berkenaan.

"Kesemua mereka dibawa



turun ke Laman 3 Budaya menggunakan laluan alternatif tanpa melalui sungai berkenaan dan kesemua mangsa berkenaan selamat tanpa apa-apa kecederaan," katanya dalam satu kenyataan.

Abu Bakar berkata, selain operasi menyelamat, anggota dari BBP Jasin turut melaksanakan kerja-kerja pengalihan pokok tumbang dengan menggunakan gergaji berantai (chainsaw).

Selain itu, katanya, mereka juga membuat pemantauan pengalihan kereta yang terperangkap dalam air di lokasi kejadian.



ANTARA mangsa diselamatkan pihak bomba dalam kejadian kepala air di Laman 3 Budaya. Foto: Ihsan Bomba

N12 - PANTAI KUNDOR

Pemuda patah kaki dirempuh babi hutan

Mohamad Fazrul Abdul Majid

PANTAI KUNDOR - Seorang pemuda patah kaki selepas motosikal dinaikinya dirempuh babi hutan dalam kejadian di Pantai Puteri, baru-baru ini.

Menerusi rakaman video tular, babi berkenaan dilihat berenang dari laut sebelum naik ke darat dan meluru ke jalan raya menyebabkannya merempuh sebuah motosikal yang kebetulan lalu di kawasan itu.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Kundor Tuminah Kadi @ Mohd Hasim berkata, babi berkenaan bukanlah datang dari

tengah laut seperti didakwa segerintir pihak.

Berdasarkan maklumat, katanya, babi hutan itu dipercayai datang dari kawasan semak di sekitar Pantai Rombang sebelum menuju ke laut dan selepas itu naik semula ke darat pada ketika pantai berkenaan dipenuhi pengunjung.

"Mungkin juga disebabkan cuaca panas menyebabkan babi kelaut dan apabila melihat ramai orang, ia mula panik dan meluru ke darat.

"Ia menyebabkan seorang pemuda di Kampung Tanah Merah Jaya patah kaki apabila dirempuh babi berkenaan ketika kebetulan lalu di kawasan itu," katanya

kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, Tuminah yang mesra dengan panggilan Kak Ina berkata, pihaknya bersama Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (PERHILITAN) Melaka akan terus melipatgandakan usaha membasmikan masalah babi hutan di sekitar Pantai Kundor.

"Sebenarnya, melalui operasi berterusan yang dijalankan bersama PERHILITAN, masalah babi hutan di Pantai Kundor kian berkurangan berdasarkan semakin kurang aduan yang kita terima.

"Cumanya, masalah itu masih belum selesai dan

saya telah meminta PERHILITAN untuk terus menjalankan operasi tembak

mahu pun memasang perangkap dengan lebih kerap bagi membendung masalah

babi hutan yang membelenggu penduduk di kawasan ini," katanya.

TAMAN Paya Rumput Utama • CHENG •

SIAP DENGAN CCC
Hak Milik Kekal
RUMAH SIAP SEDIA DIKUNJUNGI

RUMAH TERES 2 TINGKAT 22/24' X 70'

PELAN LOKASI

UNTUK BUMIPUTERA

Pemaju : Hartamas Indah Sdn. Bhd.
Lot 81 & 88, Jalan IKS M/J 3,
Kawasan Perindustrian Malim Jaya,
75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06-336 0551

06- 334 5555
www.teobros.com

TEOBROS 張兄弟發展有限公司
(Co. No. 352220-A)
TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD. REHDA REGISTERED



TANGKAP layar rakaman video menunjukkan seekor babi hutan meluru ke jalan raya selepas berenang di Pantai Puteri.

N27 - MERLIMAU

Bantah jual arak secara terbuka

Fiqa Jamal

MERLIMAU - Rata-rata komuniti penduduk di sekitar Bandar Merlimau Utara, mahu kedai-kedai serbaneka di situ berhenti menjual minuman keras secara terbuka.

Ketua Biro Dakwah Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) Cawangan Melaka Syed Mohd Aizuddin Tuan Sembak, berkata kedai-kedai serbaneka di kawasan terbabit, telah menjual minuman keras secara terbuka, sejak beberapa tahun lalu.

Katanya, Ketiga-tiga premis itu dikunjungi penduduk setempat dengan majoritinya beragama Islam, selain menjadi tumpuan pelajar dari Politeknik Merlimau.

"Kita minta Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) serta pihak berkuasa agama, mengambil tindakan terhadap pengusaha kedai serbaneka ini yang menjual minuman keras.



SYED Mohd Aizuddin (dua kanan) ketika memberi surat bantahan kepada wakil premis yang menjual minuman secara terbuka di premis kedai serbaneka sekitar Merlimau Utara baru-baru ini.

"Meskipun bantahan sudah dilakukan sebelum ini, namun pengusaha kedai masih menjual minuman keras, malahan diletakkan

bersebelahan dengan minuman halal lain yang dijual di premis terbabit.

"Susulan itu, Jawatankuasa Masjid As-Syuja'ah

Merlimau Utara bersama sebuah lagi badan bukan kerajaan (NGO) ISWA Melaka, turun padang bagi menyeraikan surat bantahan ke-

pada pihak pengurusan di tiga premis di kawasan berkenaan," katanya kepada Melaka Hari Ini.

Mengulas lanjut, beliau

FOKUS DUN

berharap surat bantahan terbabit dipandang perhatian serius oleh pihak pengurusan premis berkenaan secepat mungkin.

"Jika pengusaha masih terus berdegil, ISMA akan membawa perkara ini kepada Jabatan Agama Islam Melaka serta Majlis Perbandaran Jasin untuk tindakan selanjutnya.

"Hal ini berdasarkan Seksyen 50 Kurungan 2, Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991, individu yang membuat, menjual, menghadiah, memamerkan untuk jualan, menyimpan atau membeli apa-apa arak atau minuman yang memabukkan.

"Malah satu kesalahan dan boleh didenda RM3,000 atau penjara 24 bulan atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan," katanya.

N25 - RIM



MASALAH jalan di tapak Klinik Kesihatan baharu di Simpang Bekoh akan diselesaikan.

Selesai isu jalan tapak klinik Simpang Bekoh

RIM - Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rim berusaha untuk menyelesaikan segera isu dibangkitkan mengenai jalan di tapak Klinik Kesihatan baharu Simpang Bekoh.

ADUN RIM, Datuk Khaidhirah Abu Zahar berkata, setakat ini wakil JAPERUN sudah mengadakan lawatan bagi mengenal pasti dan mendapatkan gambaran sebenar lokasi berkenaan.

"Lawatan diadakan pada 13 Mei lalu, hadir sama Pengurus Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung

(JKKK), insya-Allah tindakan bagi menangani masalah itu akan diambil segera.

"Saya berterima kasih atas maklum balas semuapihak diharapkan usaha menyelesaikan masalah ini akan berjalan lancar," katanya menerusi satu hantaran di Facebook rasminya.

Dalam perkembangan lain, Khaidhirah memaklumkan sekiranya terdapat sebarang aduan, penduduk RIM boleh menghubungi wakil JAPERUN Rim di talian 013-6226404 (Setiausaha JAPERUN) dan 012-2923025 (Penghulu).

N28 - REMBIA

Jururawat Sungai Rambai dihargai

Mohamad Fazrul Abdul Majid

SUNGAI RAMBAI - Sempena Hari Jururawat Sedunia yang disambut 12 Mei lalu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Rambai Siti Faizah Abdul Aziz membuat kejutan kepada jururawat-jururawat di Dewan Undangan Negeri (DUN) berkenaan.

Ia selepas beliau bersama kakitangan JAPERUN Sungai Rambai mengadakan kunjungan ke klinik-klinik DUN berkata.

Dalam kunjungannya, Siti Faizah tampil menyampaikan sekuntum bunga ros kepada jururawat yang bertugas pada hari berkenaan.

Malah, beliau turut menyumbangkan kek bagi menghargai peranan jururawat selaku petugas barisan hadapan tatkala negara berdepan episod getir pandemik COVID-19 sebelum ini.

"Alhamdulillah. Dapat bersama-sama merayakan Hari Jururawat Sedunia dengan jururawat-jururawat klinik di DUN Sungai Rambai," katanya dalam satu hantaran di Facebooknya, baru-baru ini.



SITI Faizah bersama kakitangannya mengedarkan bunga dan kek kepada jururawat di sekitar DUN Sungai Rambai.

Kanggaru 'comel' ciriakan Zoo Melaka

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Walabi atau 'kanggaru mini' dan aviary (lau) burung antara dua tarikan terbaharu disediakan di Zoo Melaka dalam usaha pihak pengurusannya untuk menarik kunjungan lebih ramai pelawat.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman berkata kemasukan haiwan-haiwan terbabit dijangka dapat meningkatkan kadar kemasukan pengunjung ke Zoo Melaka sehingga 30 peratus.

Katanya, produk baharu Zoo Melaka itu termasuk sebuah kafe 'Wildlife' iaitu kerjasama antara pihak zoo dan sebuah syarikat swasta membabitkan kos keseluruhan RM5 juta.

"Kita ada lapan ekor walabi baka Belgium dan Australia namun dibiakkan di Johor, saya pasti pelawat terhibur me-

nyaksikan gelagat haiwan ini yang comel."

"Selain itu, kira-kira sebanyak 70 ekor unggas spesis Sun Conure dan Red Lorries ditempatkan di aviary burung, termasuk sepasang burung jenis Paradise Minor atau cenderawasih," katanya pada sidang media selepas melawat tarike baharu di Zoo Melaka, 11 Mei lalu, yang turut dihadiri Pengarah Zoo, Zanariah Khamis.

Shadan berkata, pengunjung yang mahu merasai pengalaman memberi makan dan dikelilingi burung yang jinak hanya perlu membayar RM5.

"Saya yakin kita dapat capai peningkatan sebanyak 30 peratus yang disasar, lebih lagi negara kini sedang dalam peralihan ke fasa endemik," katanya.

Menurutnya, harga tiket masuk RM38 dikenakan dianggap jumlah yang berbaloi dan tidak terlalu mahal kerana pihak zoo menawarkan pelbagai aktiviti menarik untuk pelawat.



WALABI yang menjadi tarikan baharu pengunjung di Zoo Melaka. Foto Iqmal Haqim Rosman

Pasar malam Jonker bakal beroperasi setiap hari

Siti Salehah

BANDA HILIR - Pasar Malam Jonker Walk yang sebelum ini hanya beroperasi pada hujung minggu dijangka akan beroperasi setiap hari bagi menarik lebih ramai pelancong.

Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Jonker Street, Datuk Gan Tian Loo berkata, perkara itu bagaimanapun masih di peringkat perbincangan bersama pihak berkaitan termasuk Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan Bahagian Promosi Pelancongan (BPP).

"Kita dapat sudah sampai masanya kawasan konservasi di sini hidup semula pada waktu malam kerana kita dapat Jonker Walk dari Isnin hingga Khamis pada waktu malam senyap dan tiada aktiviti.

"Jawatankuasa kini sedang usaha serta dalam peringkat perbincangan dan harap akan mendapat berita baik," katanya pada sidang media di pejabatnya di Jalan Kubu, 12 Mei lalu.

Menurut beliau, cadangan untuk mengadakan setiap hari berbanding hanya pada Jumaat, Sabtu dan Ahad, turut mendapat

persetujuan dan sokongan daripada peniaga setempat.

Katanya, peniaga di sini yang sebelum ini hanya beroperasi pada waktu siang mengharapkan operasi pasar berkenaan dapat dilanjutkan tempoh sehingga ke malam.

"Apabila kebenaran itu diberikan nanti ia akan merancakkan lagi kedatangan pelancong. Malah sebelum ini pelancong yang datang ke Melaka pada hari biasa tidak berpeluang ke pasar malam Jonker Walk," katanya.

Sementara itu, mengulas lanjut beliau berkata,

sejak peralihan ke fasa endemik bulan lalu, kedatangan pelancong ke kawasan ikonik pelancongan itu amat memberangsangkan.

"Malah untuk minggu

pertama Mei dan bersempena cuti umum serta hari raya seramai 500,000 pengunjung berkunjung ke Jonker Walk.

"Selain itu juga kini,

hampir 95 peratus premis perniagaan di sekitar Jonker Walk kembali beroperasi dengan kira-kira 20 peratus daripada pengusaha luar Melaka," katanya.



GAN ketika melawat premis dan beramah mesra dengan pekedai di Jonker Street.

RUMAH SIAP SEDIA DIKUNJUNGI UNTUK BUMIPUTERA

RUMAH BERKEMBAR 2 TINGKAT 40' X 80'

RUMAH TERES 2 TINGKAT 22' X 70'

Pelan Lokasi

Taman Puncak Bertam

06- 334 5555 www.teobros.com

TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.

Pesan terakhir jaga anak-anak

Farah Suhaidah Othman

TELOK MAS - "Apa-apa berlaku tololong tengok anak-anak," itu antara pesanan terakhir bekas Pengarang Melaka Hari Ini (MHI), Allahyarham Mohd Jeffri Razali kepada isterinya sebelum menghembuskan nafas terakhir Selasa lalu akibat serangan jantung.

Umirah Fuziah Atan, 51 berkata kali terakhir dia bertemu Allahyarham pada Isnin (9 Mei) dan ketika itu suaminya boleh berca-kap namun pertuturnya tidak jelas disebabkan serangan angin ahmar dia lamanya.

Katanya, meskipun begitu dia masih memahami setiap tutur kata arwah malah sempat berpe-san supaya menjaga diri dan tiga anaknya Muhammad Amirul Amsyar, 26; Nur amira Najwa, 23 dan Nur Amira Dhamia, 9.

"Saya janji padanya Insya-Allah saya akan ten-gok anak-anak dan dia juga

pesan supaya saya menjaga diri sebaiknya," katanya sebak di kediamannya di Padang Temu di sini hari ini.

Terdahulu, Umirah Fuziah dikunjungi Ketua Pegawai Operasi MHI, Anuar Shaari yang mewa-kili agensi itu untuk mem-

berikan sumbangan bagi meringankan beban mereka empat beranak.

Dia berkata, selepas pemergian suami, dia yang

bekerja dalam sektor insurans akan meneruskan kehidupan seperti biasa meskipun tanggungjawab digalas lebih berat untuk

"Terima kasih kepada semua pihak termasuk keluarga, rakan-rakan arwah yang membantu dan saya tidak sangka ramai yang menghulurkan bantuan, hanya Allah dapat mem-balas semua kebaikan itu," katanya.


Allahyarham selamat dikebumikan di Tanah Per-kuburan Islam Padang Temu pada 11 Mei lalu.

Allahyarham sebelum ini pernah berkhidmat lebih 27 tahun sebagai pengamal media di negara ini dan pernah menjadi wartawan serta Ketua Biro New Straits Time (NST) pada 1991 hingga 2003, sebelum dilantik sebagai Pengarang di Melaka Hari Ini bermula 2005 hingga 2007.

Di akhir kerjayanya, Allahyarham berkhidmat sebagai Ketua Wartawan Sinar Harian Melaka dan Negeri Sembilan sebelum berhenti pada 2018 atas faktor kesihatan.



ANUAR (tengah) menyampaikan sumbangan kepada Umirah Fauziah, isteri bekas pengarang Melaka Hari Ini yang meninggal dunia, 10 Mei lalu. Foto Iqmal Haqim Rosman



ALLAHYARHAM Mohd Jeffri

menjadi ibu dan ayah ke-pada tiga cahaya matanya berusia antara sembilan hingga 26 tahun.

"Saya akan uruskan semua perkara berkaitan arwah dan kemudian me-mastikan anak-anak mene-ruskan pengajian dalam keadaan bersendirian.

Pemaju:

CAPITAL FARMOSA SDN. BHD.



張兄弟發展有限公司
TEOBROS DEVELOPMENT SDN. BHD.

Lot 81 & 88, Jalan IKS M/J 3, Kawasan Perindustrian Malim Jaya, 75250 Melaka, Malaysia. Fax: 06-336 0551

Aidilfitri: Lebih 500 tan sampah dikutip sehari

Liana Sahabudin

AYER KEROH - Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Melaka merekodkan sebanyak 555.13 tan sampah domestik dikutip sehari bagi minggu kedua Aidilfitri.

Pengarah SWCorp Melaka, Khairuladha Mutalib berkata, jumlah itu menunjukkan peningkatan sebanyak 23.71 tan sisa domes-tik berbanding 531.42 tan sehari bagi tempoh sama tahun lalu.

"Bagaimanapun, bagi minggu pertama Aidilfitri menunjukkan penurunan sisa do-mestik iaitu sebanyak 551.30 tan sehari ber-banding 554.16 tan sehari bagi tahun 2021.

"Manakala kutipan sisa pulapada minggu pertama Aidilfitri ialah sebanyak 64.02 tan sehari berbanding 69.25 sehari

pada tahun 2021 bagi minggu yang sama.

"Bagi minggu kedua Aidilfitri pula sisa pulap yang dikutip sebanyak 67.79 tan sehari berbanding 75.31 tan sehari pada 2021 sekali-gus menunjukkan penurunan sebanyak 7.52 tan," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini (MHI).

Menurut Khairuladha data berkenaan direkodkan bagi kawasan di bawah pentabi-ran SWCorp Melaka.

"Data berkenaan adalah perbandingan trend sampah dikutip sempena Aidilfitri bagi tahun 2021 dan 2022, data ini juga direkod-kan bermula 3 hingga 15 Mei (semalam).

"Jumlah kutipan sampah tersebut meli-puti kawasan taman perumahan, pusat tong sampah di kawasan kampung, pasar, tempat awam, medan selera dan sebagainya," ka-tanya.



PEKERJA pembersihan melakukan kutipan sampah secara berkala di negeri ini.
Foto: Iqmal Haqim Rosman

Siti Salehah

SUNGAI UDANG - Juraian air mata, ucap-pan rindu yang tidak putus di bibir dan dakan erat ketika tiba masa untuk berpisah menggambarkan saat kegembiraan serta keinsafan kumpulan banduan wanita yang diberi peluang menyambut Aidilfitri bersama ahli keluarga tersayang.

Terpisah balik tembok besi bukan saja menjadikan mereka lebih dewasa sebaliknya mengajar erti kasih sayang dan menyedari masih diperlukan meskipun pernah tersilap langkah akibat pelanggaran undang-undang dilakukan.

Ikuti laporan wartawan Siti Salehah yang menyentuh hati wanita berkenaan yang turut berkongsi kesesalan hingga terpaksa berpisah dengan keluarga tersayang sempena program Semarak Skuad Waja: Wanita Di Sebalik Tirai Besi di Kompleks Penjara Sungai Udang 17 Mei lalu.

ANAK MANGSA KEADAAN

Biarpun kurang 12 bulan menjalani hukuman ia bagaikan sudah cukup lama bagi ibu kepada tujuh anak, Puteri Sarah (bukan nama sebenar), 34, yang didapati bersalah kerana terbabit dengan penyalahgunaan dadah.

Dia dijatuhi penjara lima tahun menjalani hukuman Ogos tahun lalu tekad mahu berubah dan kini mempersiapkan diri untuk menjadi wanita dan ibu terbaik selepas dibebaskan nanti.

Akibat perbuatannya, bukan dia seorang yang menerima hukuman malah turut terkesan sama adalah anak-anaknya yang terpaksa terpisah jauh daripada dirinya.

Katanya, lebih 10 tahun dia mensiasati masa bersama anak-anak kerana terbabit dalam penyalahgunaan dadah dan kini tiba masa untuk dirinya berubah.

"Biarlah ini jadi yang pertama dan terakhir, sebelum ini saya tidak sedar akan akibatnya namun apabila di sini banyak yang dapat saya baiki diri antaranya cukup solat lima waktu dan dapat mengikuti kelas agama selain mendisiplinkan diri."

"Namun begitu, sakit yang teramat apabila terpaksa berpisah jauh dengan anak-anak dan terutamanya yang masih kecil sepatutnya ketika usianya ini, dia perlu kan kasih sayang seorang ibu," katanya.

Bercerita lebih lanjut, dia berkata, hati-

Tirai besi jentik keinsafan



PELUKAN erat seorang banduan wanita apabila diberi peluang bertemu ahli keluarga sempena Program Semarak Skuad Waja: Wanita Di Sebalik Tirai Besi di Kompleks Penjara Sungai Udang. Foto Iqmal Haqim Rosman

nya remuk apabila anak bongsu berusia dua tahun semakin renggang dan tidak mengenalinya.

Namun, dia bersyukur zuriat lain tidak putus mengucapkan 'kami rindukan ibu' untuk mengubat kesedihannya.

"Tadi apabila dapat bertentang mata dan melihat anak-anak dan suami, hanya Allah sahaja yang tahu perasaan hati ini, dengan rasa rindu yang teramat, sebaik dapat memeluk mereka rasa terlepas rindu yang berat."

"Alhamdulillah, walaupun saya pernah melakukan kesilapan namun ahli keluarga

termasuk suami tidak mengabaikan saya. Saya amat memerlukan sokongan mereka untuk meneruskan kehidupan ini tanpa mereka, tidak dapat digambarkan sukarnya," katanya.

JANGAN IKUT EMOSI

Sementara itu, bagi Siti (bukan nama sebenar), 47, kini sedang menjalani hukuman penjara selama 15 tahun kerana disabit kesalahan membunuh anak tirinya tanpa niat, dia sebolehnya tidak sanggup dan tidak mahu mengingati detik hitam itu.

Katanya, sebagai seorang ibu seharus-



KALSON menyampaikan cenderahati kepada wakil banduan wanita dan anaknya ketika hadir pada Program Semarak Skuad Waja: Wanita Di Sebalik Tirai Besi di Kompleks Penjara Sungai Udang. Foto Iqmal Haqim Rosman

nya tidak terlalu mengikut emosi dan banyak bersabar dalam mendidik serta membaskan anak.

"Ini sudah takdir hidup tetapi sepanjang berada di sini tidak pernah anggap ini penjara sebaliknya ini adalah tempat untuk saya memperbaiki diri. Sejak berada di sini pada 2015 hingga kini banyak yang saya dapat pelajaran."

"Mungkin kita hendakkan yang terbaik tetapi takdir kita tidak tahu. Nasihat saya janganlah kita terlalu mengikut emosi," katanya.

Katanya, jauh disudut hatinya menyali kerana tidak dapat menjadi ibu terbaik buat anak tirinya.

"Kehidupan saya kini jauh dari keluarga namun saya bersyukur anak dan ahli keluarga lain tetap ada bersama malah hari ini mereka sanggup datang ke sini," katanya.

MELAKA WUJUDKAN RUMAH PERANTARA

Program 'Wanita Di Sebalik Tirai Besi' merupakan anjuran Pembangunan Wanita Melaka dengan kerjasama Kompleks Penjara Sungai Udang yang turut dihadiri EXCO Hal Ehwal Wanita Negeri Datuk Kalsom Nordin, Pengarah Jabatan Penjara Melaka Roslan Mohamed dan Pengarah Kompleks Penjara Sungai Udang S S Gunesegaran.

Kalsom dalam sidang media selepas program memaklumkan, Melaka bakal menjadi negeri pertama menyediakan Rumah Perantaraan khusus buat banduan wanita dalam usaha membantu mereka memulakan hidup baru selepas selesai menjalani hukuman.

Beliau berkata, sokongan dan bimbingan pelbagai pihak termasuk komuniti setempat amat perlu dalam memastikan banduan ini membina semula kehidupan dan bergaul dengan komuniti setempat se kali gus mengelakkkan perasaan disisih.

"Rumah perantara ini akan menempatkan banduan bagi tempoh tiga bulan pertama selepas dibebaskan. Saya difahamkan ketika ini rumah perantara hanya untuk bekas banduan lelaki," katanya.

Menurutnya, selain menyediakan empat sementara kerajaan negeri juga akan berusaha membantu mereka mendapatkan pekerjaan yang sesuai bagi memastikan kelangsungan hidup mereka terjamin.



BANDUAN wanita yang dikenali sebagai Puteri Sarah ketika ditemui Melaka Hari Ini sempena Program Semarak Skuad Waja: Wanita Di Sebalik Tirai Besi di Kompleks Penjara Sungai Udang. Foto Iqmal Haqim Rosman

Sukan

MELAKA HARIINI

Pasar malam
Jonker bakal
beroperasi
setiap hari

21



MELAKA United mengharapkan kesemua pemain importnya memberi sumbangan lebih besar dalam aksi akan datang.

Foto: Melaka United FC



'Awang import' Melaka perlu agresif

Fiqa Jamal

KELAB Bolasepak Melaka United (Melaka United FC) akan mempersiapkan diri sebagai satu pasukan berdaya saing sepanjang tempoh rehat panjang sebelum aksi liga bersambung bulan depan.

Pemangku Ketua Jurulatih Melaka United Mohd Asri Ninggal berkata, tempoh rehat itu akan dimanfaatkan untuk memperbaiki segala kelemahan pasukan.

"Sebenarnya apabila saya dilantik sebagai pemangku jurulatih, saya tahu 'department' atau bahagian mana yang perlu kita perkuatkan, kerana saya sudah lama bersama pasukan ini."

"Jadi, saya rasa itu antara kelebihan yang saya ada dan juga pemain-pemain yang dibawa masuk untuk season ini juga pemain-pemain yang yang bagus, jadi saya rasa dari pada situ kita dapat membentuk pasukan yang mantap."

"Saya harap dengan rehat panjang ini kita dapat membentuk pasukan yang berdaya saing yang boleh memberi cabaran kepada pasukan-pasukan lain kerana aksi yang

akan datang adalah aksi yang begitu susah sekali," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Melaka United berjaya menempah ke slot suku akhir dengan menewaskan PJ City FC 2-1 di Stadium Hang Jebat, 14 Mei lalu.

Sony Norde dan Adriano Narcizo menjadi watak penting skuad Hang Tuah dalam membantu kemenangan, sekali gus melunas dendam kekalahan pada pasukan sama dalam aksi liga, Mac lalu.

Dalam pada itu, Mohd Asri turut menekankan pentingnya lima tonggak pemain import Melaka United untuk beraksi lebih agresif pada saingan-saingan mendatang.

Ujarnya, hal itu ditekankan selepas melihat pelbagai kekurangan dalam aksi-aksi terdahulu.

"Saya rasa pemain-pemain import perlu beri sumbangan yang lebih lagi kerana pasukan Melaka memang bergantung kepada mereka, 49 peratus kekuatan pasukan Melaka United di tangan lima pemain import ini."

"Dalam aksi sebelum ini, saya melihat kita mempunyai banyak peluang namun ter-

lepas kerana kesilapan mudah.

"Namun usaha bermati-matian mereka

wajar dipuji selepas berjaya membolosi dua kali gawang pelawat," katanya.

LIGA SUPER MALAYSIA

Jadual perlawanan Melaka United 2022

MELAKA UNITED FC	VS	NEGERI SEMBILAN FC	18 JUN 2022 SABTU 8.15pm STADIUM HANG JEBAT
MELAKA UNITED FC	VS	PENANG FC	26 JULAI 2022 SELASA 8.15pm STADIUM HANG JEBAT
SABAH FC	VS	MELAKA UNITED FC	31 JULAI 2022 AHAD 7.30pm STADIUM LIKAS, KOTA KINABALU
MELAKA UNITED FC	VS	KUALA LUMPUR CITY FC	09 OGOS 2022 SELASA 9.00pm STADIUM HANG JEBAT
MELAKA UNITED FC	VS	SRI PAHANG FC	13 OGOS 2022 SABTU 9.00pm STADIUM HANG JEBAT
JOHOR DARUL TAZIM FC	VS	MELAKA UNITED FC	18 OGOS 2022 SELASA 9.00pm STADIUM SULTAN IBRAHIM, ISKANDAR PUTERI

www.melakahariini.my Melaka Hari Ini Melaka Tv Grafik : Melaka Hari Ini Sumber : Malaysian Football League (MFL)